



# LAPORAN TAHUNAN **2020**

MESYUARAT AGUNG  
PERWAKILAN KE-53





coop

# BA100

BA100: Pelaksanaan melalui Sistem JiMAT

**JiMAT™ BIZ**

Lebih Dari 3,000 Kedai Seluruh Malaysia

Outlet

**JiMAT™  
SHOP**

Pengguna

6 Juta anggota  
koperasi dan awam

**BA100**



Lebih dari  
1,000 SKU

Pembekal



Dan Banyak Lagi

Didokong oleh:



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI  
MINISTRY OF ENTREPRENEURSHIP DEVELOPMENT AND COOPERATIVES

Dengan kerjasama:



**JiMAT™ BIZ**

Layarilah  
**www.jimatbiz.com**

dan daftar sebagai peruncit  
atau pembekal BA100

**JiMAT™  
SHOP**

Layarilah  
**www.jimatshop.com**

dan beli barang runcit di  
kedai koperasi berdekatan anda



# FAIZA®

Rice For Life

PASTIKAN FAIZA BARU BELI

[www.faizarice.com](http://www.faizarice.com)

[@syarikat\\_faiza\\_official](https://www.instagram.com/syarikat_faiza_official)

[syarikatfaizaofficial](https://www.facebook.com/syarikatfaizaofficial)

[www.faizashop.com](http://www.faizashop.com)



# AR-RAHNU... CBP KAN ADA!

Had pembiayaan harian  
sehingga **RM50,000**

Jumlah pembiayaan maksimum  
sehingga **RM350,000**

Wang tunai **75%**  
daripada nilai emas

- ✓ Kontrak syariah tawarruq
- ✓ Terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara
- ✓ Keuntungan bulanan dikira berdasarkan jumlah pembiayaan

\*Tertakluk pada terma dan syarat

# ISI KANDUNGAN

## MUKA SURAT

Maklumat Koperasi	4
Kata-kata Aluan dari Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan	5
Kata-kata Aluan dari Yang Dipertua Koperasi NSTP (Malaysia) Berhad	6
Kata-kata Aluan dari Pengurus Koperasi NSTP (Malaysia) Berhad	7
Anggota Lembaga Koperasi NSTP (Malaysia) Berhad Sesi 2020/2021	8
Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi NSTP (Malaysia) Berhad Sesi 2020/2021	9
Kakitangan Koperasi NSTP (Malaysia) Berhad	10 - 11
Aktiviti Koperasi NSTP 2020	12 - 24
Notis dan Agenda Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-53	25
Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-52	26 - 39
Kehadiran Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-52	40 - 42
Laporan Lembaga Tahun 2020	43 - 45
Laporan Jawatankuasa Kecil Tahun 2020	46 - 48
<i>Laporan JKK Kewangan, Pentadbiran &amp; Modal Insan</i>	49 - 51
<i>Laporan JKK Pembiayaan, Khidmat Pelanggan &amp; Coop Mart</i>	52 - 55
<i>Laporan JKK Kutipan, Litigasi &amp; Pengurusan Risiko</i>	56 - 57
<i>Laporan JKK Komersial &amp; Bisnes</i>	58 - 59
<i>Laporan JKK Ar-Rahnu</i>	60 - 64
<i>Laporan JKK Keanggotaan, Kebajikan &amp; Komunikasi</i>	
Lampiran A - Kursus & Seminar Tahun 2020	65 - 66
Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Sesi 2020/2021	67 - 69
Laporan Juruaudit Bebas	70 - 73
Laporan Berkanun Lembaga	74 - 75
Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020	76 - 111
Pindaan Anggaran Pendapatan & Perbelanjaan Tahun 2021 Anggaran Pendapatan & Perbelanjaan Tahun 2022	112 - 113
Pandangan Suruhanjaya Ke Atas Akaun-akaun dan Kunci Kira-kira Koperasi Berakhir 31 Disember 2019	114 - 116

# MAKLUMAT KOPERASI

## KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD

NO PENDAFTARAN :  
4369

VISI :

Menjadi sebuah koperasi yang memenuhi keperluan kewangan anggota dan masyarakat dengan memberi pelbagai perkhidmatan yang mesra pelanggan serta patuh syariah.

MISI :

- 1) Memberi kemudahan terbaik melalui tabungan, skim pembiayaan, skim perlindungan, skim kebajikan serta apa jua kemudahan yang bermanfaat kepada anggota dan masyarakat umum;
- 2) Memenuhi kehendak anggota dengan memperkuatkannya sosio-ekonomi;
- 3) Meningkatkan prestasi kewangan yang bernilai tinggi;
- 4) Menyediakan modal insan yang profesional & efisien serta patuh syariah;
- 5) Menjadi koperasi 20 terbaik & terunggul di Malaysia;
- 6) Meningkatkan pulangan kewangan dalam bentuk dividen dan bonus dengan kadar yang kompetitif;
- 7) Mempelbagaikan aktiviti untuk menjana pendapatan;
- 8) Menjadikan E-knstp sebagai saluran informasi dan komunikasi dalam urusan perkhidmatan;
- 9) Memenuhi kebajikan anggota seiring dengan tanggungjawab sosial korporat.

MOTTO :

**“Maju Koperasi Anggota Bahagia”**

PEJABAT BERDAFTAR / IBU PEJABAT :  
31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur  
No. Tel : 03-22824647 No. Faks : 03-22826334  
Laman Web : <http://www.koopnstp.my>  
Emel : admin@knstp.com.my  
Facebook : Koperasi New Straits Times Press Malaysia Berhad  
Instagram : koopnstp

ALAMAT CAWANGAN :

- 1) Ar-Rahnu X'Change Koperasi NSTP (Dataran Mentari)  
No. A-G-1, Blok A Arena, Mentari, Jalan PJS 8/15,  
Dataran Mentari, 46150 Petaling Jaya, Selangor  
No Tel : 03-56377277 No Faks : 03-56377677
- 2) Ar-Rahnu X'Change Koperasi NSTP (Bandar Seri Putra)  
No. 26, Tingkat Bawah, Jalan Seri Putra ½,  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor  
No Tel : 03-89259519 No Faks : 03-56377677
- 3) Saville Express & Business Centre  
G-10, Saville Kajang, Jalan Reko, 43000 Kajang, Selangor  
No Tel/Faks : 03-873860191 Email : SavilleExpress@knstp.com.my  
Facebook : Saville Express & Business Centre

AKTIVITI :

Kredit;  
Skim Perlindungan Diri & Keluarga;  
Skim Pengguna – Peruncitan / Pajak Gadai Islam / Pelancongan;  
Pengurusan Acara dan Seminar.

# KATA-KATA ALUAN



## PENGARAH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA CAWANGAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang

Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh dan Salam Sejahtera

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya serta ucapan jutaan terima kasih kepada pihak Pengurus dan Barisan Anggota Lembaga Pengarah Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (KNSTP) kerana memberi peluang kepada saya mengabdikan kata alu-aluan di dalam Buku Laporan Tahunan KNSTP pada tahun 2020. sempena Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali ke 53.

Syabas dan tahniah kepada Anggota Lembaga Koperasi yang telah menjalankan amanah dan tanggungjawab yang baik selaras dengan kehendak Akta Koperasi 1993 dan peraturan-peraturan lain yang berkaitan. Pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia berasa bangga melihat kemajuan dan kejayaan yang telah dicapai hasil bimbingan yang baik diterajui oleh barisan Anggota Lembaga KNSTP, komitmen yang baik dikalangan anggota dan pengurusan KNSTP yang berdedikasi.

Mesyuarat Agung Tahunan merupakan satu pentas yang penting bagi semua pemegang saham sesebuah Koperasi untuk memantau, mengkaji semula, membincang, menukar pandangan dan idea tentang prestasi Koperasi sambil merangka rancangan dan strategi pembangunan Koperasi. Saya berharap bahawa pihak Lembaga, pengurusan dan perwakilan KNSTP dapat mengambil kesempatan penuh dari pentas ini supaya mencapai keputusan dan konsensus tentang perkembangan KNSTP dan justeru meningkatkan tahap pencapaian KNSTP demi manfaat para anggota.

Saya mendoakan agar pada tahun 2021, KNSTP akan terus berkembang maju dan merealisasikan perancangan yang telah dirancang melalui Perancangan Perniagaannya dengan jayanya. Kami di pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia sentiasa sedia membantu memberi bimbingan dan sokongan yang diperlukan oleh pihak KNSTP dari semasa ke semasa.

Akhir kata saya berharap dan memanjatkan doa agar Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KNSTP kali ke-53 akan berlangsung dengan lancar dan jayanya.

Sekian, terima kasih

A handwritten signature in black ink.

**JAAFAR BIN AHMAD**  
Pengarah  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia  
Cawangan Wilayah Persekutuan  
6 Ogos 2021

# KATA-KATA ALUAN

## YANG DIPERTUA KOPERASI NSTP (MALAYSIA) BERHAD

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang

Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu ucapan terima kasih saya kepada pihak Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (KNSTP) kerana memberi ruang dan kesempatan kepada saya untuk memberikan sepatchah dua kata di dalam Laporan Tahunan 2020 ini bersempena dengan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-53.

Tahun 2020, merupakan tahun yang mencabar kepada semua syarikat termasuk KNSTP iaitu negara dilanda pandemik Covid 19. Namun, hasil kerjasama semua pihak terutama barisan Anggota Lembaga, KNSTP masih dapat mengekalkan prestasi dan sentiasa memberi perkhidmatan terbaik kepada anggota. KNSTP tidak melupakan kebajikan kepada anggota iaitu pada tahun 2020 dengan mewujudkan manfaat tahun satu, bencana alam dan penyakit kronik. Ini seiring dengan prinsip dan objektif koperasi dan tidak terlalu mengutamakan keuntungan sahaja.

Pembukaan outlet agen pos laju di Saville Kajang pada Mac 2021 merupakan salah satu kepelbagai aktiviti dalam usaha menjana pendapatan koperasi. Diharap perniagaan tersebut memberi maklum balas yang baik dari penduduk setempat.

Saya selaku Yang Dipertua Koperasi NSTP berharap pengurusan KNSTP dengan diterajui oleh barisan Anggota Lembaga akan menjalankan tanggungjawab bagi memastikan prestasi dikekalkan tanpa melupakan kebajikan anggota.

Kepada para perwakilan sekalian, saya berharap anda dapat memanfaatkan kehadiran di Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ini dengan memberikan idea-idea baru dan pendapat yang berasas bagi memastikan matlamat dan hala tuju KNSTP tercapai.

Selamat Maju Jaya. Wassalam

**MUSTAPHA KAMIL MOHD JANOR**  
Yang Dipertua Koperasi NSTP (Malaysia) Berhad  
Ketua Pegawai Eksekutif The New Straits Times Press (M) Berhad  
6 Ogos 2021



# KATA-KATA ALUAN



## PENGERUSI KOPERASI NSTP (MALAYSIA) BERHAD

*Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang*

*Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh dan Salam Sejahtera*

Alhamdulillah, dengan rasa syukur ke hadrat Allah SWT serta restu-Nya, Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (KNSTP) berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-53 dan masih menunjukkan prestasi yang baik selaras kehendak Akta Koperasi 1993.

Tahun 2020, dunia dikejutkan dengan pandemik Covid 19 sehingga memberi kesan kepada ekonomi negara. Pihak kerajaan terpaksa melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dimana aktiviti perniagaan

tertentu sahaja yang dibenarkan beroperasi bagi mengelakkan penularan penyakit ini. Situasi ini turut memberi kesan kepada KNSTP terutama aktiviti kredit dan runcit. Aktiviti yang kekal memberi persaingan adalah perniagaan Ar-Rahnu iaitu kemudahan tunai segera melalui pajak gadai berlandaskan syariah. Insentif bantuan prihatin kerajaan sedikit sebanyak turut membantu mengekalkan prestasi koperasi pada tahun berkenaan.

KNSTP terus mengorak langkah didalam mempelbagaikan perniagaan baru. KNSTP telah melibatkan diri didalam penghantaran barang iaitu sebagai agen pos laju dan syarikat penghantaran yang lain seperti Shoppe, Ninja Van serta J & T Ekspress. Perniagaan ini bertempat di Saville Kajang iaitu premis hak milik Koperasi KNSTP.

Anggota Lembaga dan Pengurusan KNSTP akan berusaha sedaya upaya dan tidak akan patah semangat walaupun pelbagai cabaran berlaku. Setiap apa yang berlaku, pasti ada hikmahnya. Kerjasama dari semua pihak terutama sokongan dari anggota dalam membantu koperasi semasa tempoh pandemik ini amat dihargai.

Setinggi penghargaan diucapkan kepada En. Mustapha Kamil Mohd Janor, Ketua Pegawai Eksekutif NSTP selaku Yang Dipertua KNSTP, pengurusan Kumpulan Media Prima Berhad, Allianz General Insurance Company Berhad, Sunlife Assurance Malaysia Berhad, Malay Mail Sdn Bhd, Media Travel & Holidays Sdn Bhd atas kerjasama dan sokongan yang diberikan.

Ucapan penghargaan juga diberikan kepada En. Jaafar Ahmad, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan dan pegawai-pegawai Suruhanjaya Koperasi Malaysia, atas sokongan dan khidmat nasihat yang diberikan.

Saya percaya kita akan dapat atasi cabaran ini kerana Allah tidak menduga kita jika kita tidak berupaya menghadapinya. Anggota perlu yakin bahawa masih ada kebaikan yang dapat diperoleh di sebalik kesukaran yang kita sedang hadapi ketika ini.

Kita tidak boleh merubah apa yang telah berlaku tetapi kita boleh menetapkan arah tujuan kita supaya tetap sampai ke matlamat yang dituju.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum wrt.

**"MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA"**

  
**MOHD FADZIL ABDUL GHANI**

**Pengerusi**

6 Ogos 2021

LAPORAN  
TAHUNAN  
**2020**

**ANGGOTA LEMBAGA  
SESSI 2020 / 2021**



DUDUK DARI KIRI

**Mohd Fadzil Abdul Ghani**  
Pengerusi  
**Zulfakar Wahib**  
Setiausaha

BERDIRI DARI KIRI

**Khairi Abdul Khalid**  
**Abd Rahim Llin**  
Bendahari  
**Ahmad Shukran Mohamad Salleh**  
**Mohamad Wafi Mohamad Aroff**  
**Khairuzzaman Mohammad**  
**Fazleesham Mohd Yunus**  
**Mohammad Anis Abdullah**  
Penolong Bendahari  
**Baharudin Ishak**  
Penolong Setiausaha  
**Salehudin Shah Shabudin**  
**Kamarulzaman Pid**



# JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN SESI 2020 / 2021



DUDUK DARI KIRI  
**Mohd Hafiz Mohamad Ghazali**  
**Rameshdev Singh a/l Gordeyap Singh**

BERDIRI DARI KIRI  
**Mohamad Yahya**  
**Mohd Hidzir Md Ismail**  
Pengerusi JKAD  
**Ahmad Nizam Eusoff**

LAPORAN  
TAHUNAN  
**2020**

# KAKITANGAN IBUPEJABAT



## DUDUK DARI KIRI

**Amir Mat Kupli @ Kupli**  
Pen Pengurus Ar-Rahnu

**Rodziah Jamaah**  
Pengurus Besar

**Azrina Ibrahim**  
Eksekutif Kanan – Pentadbiran

**Ridzwan Ahmad**  
Pengurus Operasi

## BERDIRI DARI KIRI

**Abdul Syahid Abd Mutualib**

**Nazirah Abd Manap**

**Nor Khairina Leela Nasaruddin**

**Ismadi Ismail**

**Nor Amiza Azizi**

**Noorhazifah Mohd Aminoor**

**Mohamad Fakhri Abdul Koles**



# KAKITANGAN AR-RAHNU X'CHANGE



## CAWANGAN DATARAN MENTARI

BERDIRI DARI KIRI

**Anis Nadhirah Mohd Isa**  
**Mohd Nazri Johari**  
**Nur Ashieqin Abd Malid**  
Ketua Cawangan  
**Nur Shahirah Abdul Hamid**



## CAWANGAN BANDAR SERI PUTRA

BERDIRI DARI KIRI

**Muhamad Zulhairi Zaharuddin**  
**Ainin Sofea Abdul Basid**  
Ketua Cawangan  
**Fatin Nabilah Kamarul Baharin**

# AKTIVITI KOPERASI NSTP TAHUN 2020



Sumbangan Khairat kepada waris allahyarham Faizal Azis, Ahli Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi NSTP



Sumbangan Khairat kepada waris allahyarham Sharif Ibrahim

KEBAJIKAN



Sumbangan Khairat kepada waris allahyarham Mohd Rodzee



SUMBANGAN BARANGAN ASAS KEPADA WARGA PPR SENTUL MURNI



## PROGRAM INFAQ



Ahli Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi NSTP turut sama menggalas tanggungjawab memberi sumbangan barang asas kepada individu yang memerlukan.



LAPORAN  
TAHUNAN  
**2020**



**SERAHAN  
ANUGERAH  
KECEMERLANGAN  
PENDIDIKAN  
KOPERASI NSTP**



# LAPORAN TAHUNAN 2020




Sebahagian anggota yang menerima Anugerah Kecemerlangan Pendidikan bagi pihak anak masing-masing





# KAUNTER PROMOSI & KHIDMAT PELANGGAN

Pameran dan kaunter jualan di Event Place, One City USJ pada 27 Februari 2020.





## EDARAN CENDERAHATI & KAUNTER KHIDMAT PELANGGAN (DI SRI PENTAS DAN NSTP BANGSAR)



## PROGRAM KELAS MEMANAH



Program diadakan di Sekolah Kebangsaan Seksyen 7, Bandar Baru Bangi pada 18 Januari 2020. Lapan peserta terdiri daripada anggota dan anak anggota telah menyertai program ini.



A G I H A N  
T E M P A H A N  
D A G I N G K E P A D A  
A N G G O T A D I S R I  
P E N T A S & N S T P  
B A N G S A R P A D A  
2 0 M E I 2 0 2 0

# LAPORAN TAHUNAN 2020



Seminar dikendalikan oleh Pn Noor Zeeta Mohd Ramli, Ketua Pusat Pembangunan Koperasi, Institut Koperasi Malaysia



Seminar telah dihadiri oleh anggota lembaga, perwakilan dan kakitangan koperasi




Aktiviti berkumpulan yang dijalankan

## SEMINAR - BANGKIT DAN BERSEDIA MENGHADAPI CABARAN 15 OGOS 2020



Semua peserta telah diberi tugas secara berkumpulan



## KERJASAMA KOPUTRA (PAKEJ RAWATAN (FISIOTERAPI



Bergambar dihadapan Pusat Fisioterapi bersama wakil Koputra

Kaunter Pusat Fisioterapi, Koputra di  
Square, Cyberjaya



Pn. Rodziah, Pengurus Besar KNSTP mendengar penerangan dari wakil Fisoterapi Koputra



Pn. Rodziah menyerahkan cenderahati berupa produk Coopmart

# LAPORAN TAHUNAN 2020



Sebahagian perwakilan Zon Tengah yang dipilih.



Anggota beratur menandatangani kehadiran mesyuarat



Sesi Penerangan kepada anggota

## MESYUARAT AGUNG KAWASAN ZON TENGAH 7 MAC 2020 <<<<<



# MESYUARAT A G U N G KAWASAN Z O N SELATAN DAN ZON UTARA 11 & 12 MAC 2020





Bacaan Ikrar dari empat Anggota Lembaga yang dipilih untuk sesi 2020/2023

Perasmian Mesyuarat Agung oleh En. Amran Abdul Kadir, Pengarah SKM Cawangan Wilayah Persekutuan

## MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN 15 OGOS 2020



Perwakilan, kakitangan, anggota lembaga bergambar beramai-ramai selepas selesai mesyuarat

# NOTIS & AGENDA **MESYUARAT** **AGUNG PERWAKILAN KE-53**

DIBERITAHU, Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-53 akan diadakan pada Ahad, 21 November 2021 jam 9:30 pagi di bilik mesyuarat, Premiera Hotel, Menara MARA 232, Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.

## AGENDA MESYUARAT

1. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-52.
2. Pemilihan empat (4) orang Anggota Lembaga tamat tempoh jawatan.
3. Menerima dan meluluskan:
  - a) Laporan Lembaga Bagi Tahun 2020.
  - b) Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Bagi Sessi 2020/2021.
  - c) Laporan Juruaudit Luar dan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020.
  - d) Pandangan Suruhanjaya Ke atas Akaun-akaun dan Kunci Kira-kira Koperasi Berakhir Pada 31 Disember 2019.
4. Menimbang pembayaran dividen seperti disyorkan oleh Lembaga.
5. Menerima dan meluluskan Pindaan Undang-undang Kecil Koperasi NSTP.
6. Menerima dan meluluskan
  - a) Aturan Skim Pembentukan Sara Hidup
  - b) Pindaan Aturan Skim Pembentukan – Anggota ‘Aktif Sambung’, Rakan Niaga, Ahli Keluarga
  - c) Prosidur Anggota Berhenti
  - d) Aturan Skim Perlindungan Diri & Keluarga
7. Mengesahkan
  - a) Pindaan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Tahun 2021.
  - b) Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Tahun 2022.
8. Melantik Juruaudit Luar bagi Tahun 2021 dari senarai berikut :-
  - i) Al-Jeffri Dean Chartered Accountant
  - ii) Kamal Zahari & Co
  - iii) Afrizan Tarmili Khairul Azhar Chartered Accountants
  - iv) Hisham & Co Chartered Accountants (Malaysia)
9. Memberi kuasa kepada Lembaga meminjam wang tidak melebihi RM300,000,000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Juta Sahaja) dengan kadar faedah pasaran semasa.
10. Memberi kuasa kepada Lembaga melabur tidak melebihi RM300,000,000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Juta Sahaja) dari wang lebihan Koperasi.
11. Melantik 10 orang jawatankuasa untuk menentusah draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-53 yang harus terdiri daripada:
  - Empat (4) - Anggota Lembaga
  - Enam (6) - Perwakilan
12. Menimbangkan usul-usul dan lain-lain perkara di mana notis telah diberikan secara bertulis sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-53.



ZULFAKAR WAHIB

Setiausaha

27 Oktober 2021

# MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-52

**KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD**  
3, JALAN RIONG, 59100 KUALA LUMPUR. (No. Pendaftaran: 4369)

TARIKH	:	15 OGOS 2020 (25 ZULHIJJAH 1441H)
MASA	:	8.30 MALAM – 12.00 TENGAH MALAM
TEMPAT	:	BILIK MESYUARAT SRI MENANTI THISTLE PORT DICKSON RESORT KM 16, JALAN PANTAI TELUK KEMANG 71050 PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN

## HADIR

Pengerusi	:	Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani
Setiausaha	:	Sdr. Zulfakar Wahib
Bendahari	:	Sdr. Abd Rahim Llin
Penolong Setiausaha	:	Sdr. Baharuddin Ishak
Penolong Bendahari	:	Sdr. Mohamad Anis Abdullah
Anggota Lembaga	:	Sdr. Ahmad Shukran Mohamed Salleh
	:	Sdr. Khairuzzaman Mohamed
	:	Sdr. Mohamad Wafi Mohamad Arof
	:	Sdr. Salehudin Shah Shabudin
	:	Sdr. Kamarulzaman Pid
	:	Pn. Dauza Umat
	:	Sdr. Khairi Abdul Khalid
Perwakilan	:	30 orang (rujuk senarai kehadiran)

## TURUT HADIR

Pengarah	:	En. Amran Abd Kadir Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan
Penolong Pengarah	:	En. Syahrul Aidil Mohamad Tajuddin Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan
Pengurus Besar	:	Pn. Rodziah Jama'ah
Kakitangan	:	6 orang (rujuk senarai kehadiran)

## TIDAK HADIR

Perwakilan	:	1 orang (rujuk senarai kehadiran)
------------	---	-----------------------------------

## KATA-KATA ALUAN PENGACARA MAJLIS

Pn. Noorhazifah Mohd Aminoor (n.a 10179) selaku pengacara majlis mengalu-alukan kedatangan semua perwakilan dan tetamu kehormat iaitu En Amran Abdul Kadir, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Cawangan Wilayah Persekutuan serta En. Syahrul Aidil Mohamad Tajuddin, Penolong Pengarah, SKM Wilayah Persekutuan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-52 yang berlangsung di Thistle Hotel Port Dickson Resort.

## BACAAN DOA SELAMAT

Sebelum mesyuarat dimulakan, Sdr. Mohamad Anis Abdullah (n.a 6619) membacakan doa selamat.

## NYANYIAN LAGU NEGARAKU, KECEMERLANGAN KOPERASI DAN SINAR KOPERASI

Semua perwakilan, kakitangan dan tetamu yang hadir berdiri untuk menyanyikan lagu-lagu Negaraku, Kecemerlangan Koperasi dan Sinar Koperasi.

## BACAAN IKRAR OLEH SEMUA PERWAKILAN

Semua perwakilan dengan diketuai oleh Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) membaca ikrar.

## UCAPAN PENGERUSI KOPERASI NSTP (M) BERHAD

Pengerusi Koperasi, Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani (n.a 6456) mengalu-alukan kehadiran En. Amran Abdul Kadir, Pengarah SKM Wilayah Persekutuan dan En Syahrul Aidil Mohamad Tajuddin, Penolong Pengarah SKM Wilayah Persekutuan, Anggota Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman, semua perwakilan dan kakitangan koperasi.

### Petikan daripada ucapan Pengerusi :

Saya bersyukur ke-hadrat Allah SWT dengan limpah kurnia dan izinNya, sekali lagi dapat kita bersama-sama berhimpun untuk menjayakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-52.

Mesyuarat Agung Perwakilan tahun ini agak istimewa kerana En Amran Abdul Kadir, Pengarah SKM Wilayah Persekutuan dapat hadir untuk merasmikan Mesyuarat Agung Koperasi NSTP Ke-52. Para perwakilan pula merupakan gabungan perwakilan yang berpengalaman dan perwakilan baru.

Seperti sedia maklum, Syarikat Media Prima Berhad telah melaksanakan pelbagai proses rasionalisasi bermula tahun 2015 sehingga kini. Penutupan loji percetakan di Senai, Ajil dan Prai, program VSS, MSS, #terimakasih dan pemberhentian kakitangan melebihi satu ribu (1,000) anggota Koperasi telah memberi impak yang mendadak ke atas prestasi pendapatan KNSTP

Ringkasan prestasi pada tahun 2019 adalah seperti berikut :-

- a) Pendapatan keseluruhan berjumlah RM3.47 juta berbanding RM3.68 juta pada tahun 2018.
- b) Pendapatan dari pembiayaan kepada anggota masih merupakan penyumbang utama iaitu sebanyak RM1.6 juta iaitu empat puluh lima peratus (45%) dari jumlah keseluruhan pendapatan. Pendapatan lain disumbang oleh aktiviti Ar-Rahnu, peruncitan, sewa bangunan, dan pelaburan.
- c) Perbelanjaan pada tahun 2019 pula menunjukkan peningkatan sebanyak tujuh peratus (7%) iaitu RM3.09 juta berbanding RM2.90 juta pada tahun 2018.
- d) Keuntungan bersih tahun 2019 sebanyak RM378,953 iaitu penurunan lima puluh satu peratus (51%) berbanding tahun sebelumnya.

Berdasarkan keuntungan bersih tersebut Anggota Lembaga telah mencadangkan pemberian dividen sebanyak satu perpuluhan lapan peratus (1.8%) keatas modal yuran.

# LAPORAN TAHUNAN 2020

Pemberian dividen bukanlah matlamat utama gerakan koperasi termasuk KNSTP. Walaupun pendapatan agak terjejas, keahlian berkurangan, kebajikan anggota masih tetap terjamin. Skim pembiayaan jangka pendek seperti Skim Kecemasan dan Kembali ke Sekolah, Khairat Kematian Anggota dan Ahli Keluarga, Anugerah Kecemerlangan Pendidikan dan Skim Berkelompok tetap akan diteruskan.

Saya menyeru kepada para perwakilan untuk bersama-sama berganding bahu dengan Anggota Lembaga dan pihak pengurusan serta bekerja keras bagi memastikan KNSTP terus kekal dan maju kehadapan.

Dunia dikejutkan dengan ujian Allah iaitu Covid-19, dan ini, turut melumpuhkan operasi koperasi untuk tempoh tertentu. KNSTP perlu melihat dari sudut positif tentang ujian ini. Saya percaya ini bukan penghujungnya, malah KNSTP harus melihat peluang yang wujud disebalik cabaran ini.

Pada Mac 2019, cawangan kedua Ar Rahnu milik KNSTP telah beroperasi di Bandar Sri Putra, Bangi iaitu selepas Dataran Mentari. Alhamdulillah, prestasi amat baik dan menggalakkan terutama disebabkan harga pasaran emas dunia yang meningkat telah membantu melonjakkan aktiviti pajak gadai. Diramalkan harga emas akan terus meningkat sehingga penghujung tahun 2020.

Daripada situasi semasa yang tidak menentu ini, Anggota Lembaga sentiasa mengambil langkah berhati-hati dalam membuat perancangan perniagaan koperasi. Namun, KNSTP tidak akan berdiam diri dan akan berusaha merebut peluang yang ada. Pihak SKM dibawah kepimpinan En Amran Abdul Kadir, sentiasa bersedia untuk membantu koperasi dari segi bantuan khidmat nasihat begitu juga dengan bantuan kewangan iaitu geran dan Tabung Modal Pusingan.

Melihat kepada situasi ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), perkhidmatan penghantaran barang merupakan aktiviti yang terkini. Oleh itu, KNSTP telah merebut peluang dengan menjadi Agen kepada Pos Laju dan akan beroperasi di bangunan milik sendiri di Saville Kajang.

KNSTP dengan kerjasama ANGKASA dan SKM akan memanfaatkan sebaik mungkin peluang BA100 (Barangan Asas). Dengan pendekatan serampang dua mata, kebajikan anggota akan terpelihara dan pendapatan sampingan KNSTP juga akan diperolehi. Selain jualan di Coopmart, platform digital juga akan diperluaskan.

KNSTP juga akan meneruskan aktiviti pelaburan di Sektor Hartanah dan akan merebut peluang sekiranya kajian memberi petunjuk peningkatan di masa hadapan. Sebagai contoh : tawaran belian harta tanah di kawasan berpotensi seperti di Kampung Baru, Shah Alam dan Putrajaya.

Anggota Lembaga hanya akan berjaya melaksanakan perancangan ini dengan adanya sokongan dari semua perwakilan. Tanggungjawab bersama untuk menyampaikan visi koperasi kepada semua anggota demi memberi keyakinan kepada anggota, bahawa KNSTP akan terus bergerak kehadapan demi kelestarian anggota.

Seperti kelazimannya, di mesyuarat agung, empat (4) orang Anggota Lembaga wajib mengosongkan jawatan secara bergilir-gilir. Di mesyuarat ini, empat (4) calon yang layak telah menawarkan diri untuk bertanding jawatan tersebut seperti yang termaktub dalam Fasal 36 UUK. Memandangkan tiada pencalonan lain, maka empat (4) calon tersebut secara automatik dipilih sebagai Anggota Lembaga sesi 2020/2023.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia, En. Mustapha Kamil Mohd Janor, Ketua Pegawai Eksekutif Interim NSTP (M) Berhad. Penghargaan juga kepada En Amran Abdul Kadir dan En. Syahrul Aidil Mohamad Tajuddin dari Suruhanjaya Koperasi Wilayah Persekutuan di atas kerjasama dan nasihat yang diberikan. Selain itu, setinggi penghargaan kepada pengurusan Media Prima Berhad dan syarikat yang bernaung dibawahnya, pengurusan dan pentadbiran KNSTP dan perwakilan yang telah menunjukkan komitmen demi menjayakan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-52.

## **UCAPAN PENGARAH SKM WILAYAH PERSEKUTUAN**

En. Amran Abdul Kadir, Pengarah SKM Wilayah Persekutuan mengalu-alukan kehadiran semua perwakilan yang hadir terutama Anggota Lembaga KNSTP.

### **Petikan daripada ucapan Pengarah SKM :**

Tahniah diucapkan kerana KNSTP telah melaksanakan tanggungjawab mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan walaupun SKM telah memberi kebenaran penangguhan sehingga 31 Disember 2020. Ini kerana, Mesyuarat Agung merupakan kuasa tertinggi dalam koperasi.

Kini, KNSTP tidak boleh bergantung dengan aktiviti kredit dan perlu menceburi bidang-bidang lain yang bermatlamat untuk mempertingkatkan pencapaian ekonomi koperasi. Pemberian dividen sebanyak satu perpuluhan lapan peratus (1.8%) bukanlah matlamat utama. Oleh itu, KNSTP perlu mengembangkan lagi kumpulan wang seperti Tabung Kebajikan Am dan Tabung Khairat Kematian untuk kebajikan anggota.

KNSTP tidak perlu takut dengan pengurangan anggota. Aktiviti perniagaan sedia ada yang tidak melibatkan kos perlu ditingkatkan lagi seperti komisen skim berkelompok, kendaraan dan pengguna. Perniagaan runcit juga boleh diperkembangkan dan SKM akan memberikan modal sebanyak RM50,000 tanpa faedah selama enam bulan bagi tujuan tersebut. Geran juga akan ditawarkan kepada perniagaan yang mempunyai prospek yang tinggi seperti perniagaan online. Sebagai contoh : PERWAJA. Walaupun koperasi tersebut hampir tutup, namun, berjaya bangkit dengan melakukan perniagaan yang baru.

Bagi tujuan memastikan perancangan berjalan lancar, tadbir urus perlu baik dan sentiasa memaksimakan kehendak sosial anggota. Pelantikan kakitangan dari kalangan profesional bagi menjayakan perniagaan yang berdaya saing perlu dilakukan.

Sebelum mengakhiri ucapan dan seterusnya merasmikan mesyuarat agung ini, saya mengucapkan tahniah dan maju jaya kepada KNSTP dan berharap KNSTP berani untuk menceburi bidang perniagaan yang baru dan berpotensi untuk kemajuan koperasi tanpa melupakan kehendak anggota.

## **PEMILIHAN PENGERUSI MESYUARAT**

Pn. Noorhazifah Mohd Aminoor (n.a 10179) merujuk kepada UUK Fasal 34(1), di mana ianya menyatakan bahawa "*Pengerusi Koperasi hendaklah mempengerusikan mesyuarat agung perwakilan dan sekiranya pengerusi tidak hadir, anggota lembaga yang dipilih oleh mesyuarat agung perwakilan itu hendaklah mempengerusikan mesyuarat agung tersebut.*" Oleh kerana, Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani (n.a 6456), Pengerusi KNSTP hadir, maka beliau akan mempengerusikan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-52 ini.

## **PEMILIHAN PENCATAT MINIT**

Bagi memenuhi tatacara mesyuarat, Pengerusi memohon cadangan bagi pemilihan dua (2) pencatat minit. Beliau mencadangkan dua pencatat minit adalah Pn. Rodziah Jama'ah (n.a 6768) dan Sdr. Ridzwan Ahmad (n.a 6826) serta diselia oleh Sdr. Zulfakar Wahib (n.a 3220), Setiausaha Koperasi NSTP (M) Berhad.

Keputusan : Pemilihan dua (2) pencatat minit untuk Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-52 dicadang dan disokong oleh semua perwakilan.

Dengan perlantikan pengerusi mesyuarat dan pemilihan dua (2) pencatat minit, Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-52 dimulakan.

# LAPORAN TAHUNAN 2020

## DIBENTANG DAN DIBINCANGKAN

### AGENDA 1 : MENGESEHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-51

Pengerusi membentangkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-51. (Rujuk Laporan Tahunan 2019 muka surat 17 – 35). Beliau memaklumkan bahawa minit ini telah disahkan oleh Jawatankuasa Penentusah Minit yang telah dilantik.

Sdr. Zaiponizam Hamzah (n.a 5968) memaklumkan ada kesilapan di Laporan Tahunan muka surat 17 iaitu tajuk 52 sepatutnya 51.

Keputusan : Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-51 disahkan dengan cadangan oleh Sdr. Zaiponizam Hamzah (n.a 5968) dengan pembetulan tajuk tersebut dan disokong oleh Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979).

### AGENDA 2 : PEMILIHAN EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA TAMAT TEMPOH JAWATAN

Pengerusi memaklumkan bahawa Anggota Lembaga yang telah tamat tempoh jawatan mengikut Undang-Undang Kecil 37 Fasal (1) pada tahun ini adalah seperti berikut:-

1. Sdr. Zulfakar Wahib (n.a 3220)
2. Sdr. Abdul Rahim Llin (n.a 5261)
3. Sdr. Salehudin Shah Shabudin (n.a 4488)
4. Pn. Dauza Umat (n.a 4886)

### SENARAI CALON UNTUK JAWATAN ANGGOTA LEMBAGA

Pengerusi memaklumkan bahawa koperasi hanya menerima empat (4) pencalonan untuk jawatan Anggota Lembaga iaitu:-

1. Sdr. Fazleesham Mohd Yunus (n.a 4270)
2. Sdr. Zulfakar Wahib (n.a 3220)
3. Sdr. Abdul Rahim Llin (n.a 5261)
4. Sdr. Salehudin Shah Shabudin (n.a 4488)

Semua calon di atas telah diberi peluang selama dua (2) minit untuk memperkenalkan diri dan menyatakan wawasan mereka untuk koperasi.

Pn. Dauza Umat (n.a 4886) tidak menawarkan diri untuk jawatan Anggota Lembaga kerana atas komitmen kerja dan memberi peluang kepada individu lain untuk berkhidmat dengan KNSTP.

Keputusan : Oleh kerana, hanya empat (4) calon sahaja yang bertanding. Maka, kesemua calon di atas adalah menang tanpa bertanding.

### BACAAN IKRAR & PENYERAHAN SIJIL PERLANTIKAN

Empat Anggota Lembaga sesi 2020/2023 yang baru dilantik membaca ikrar di hadapan semua perwakilan diakhiri mesyuarat.

En Syahrul Aidil Mohammad Tajuddin, Penolong Pengarah SKM Wilayah Persekutuan menyerahkan sijil perlantikan kepada mereka.

**AGENDA 3 : MENERIMA DAN MELULUSKAN LAPORAN-LAPORAN**

**A) LAPORAN LEMBAGA BAGI TAHUN 2019**

Pengerusi membentangkan Laporan Lembaga Bagi Tahun 2019. Laporan ini termasuk Laporan Jawatankuasa Kecil yang terdiri daripada :-

- a) Jawatankuasa Kewangan, Pentadbiran & Modal Insan
- b) Jawatankuasa Pembiayaan, Khidmat Pelanggan & Coopmart
- c) Jawatankuasa Kutipan, Litigasi & Pengurusan Risiko
- d) Jawatankuasa Komersial & Bisnes
- e) Jawatankuasa Ar-Rahnu
- f) Jawatankuasa Keanggotaan, Kebajikan & Komunikasi

Rujuk Laporan Tahunan 2019 ( muka surat 36-61).

Keputusan : Laporan Lembaga bagi Tahun 2019 telah diterima dan diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Hj. Shukor Hj. Othman (n.a 2502) dan disokong oleh Sdr. Muhammad Asyadi Omar (n.a 7692).

**B) LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI SESI 2019/2020**

Pengerusi membentangkan laporan di atas. Rujuk Laporan Tahunan 2019 (muka surat 62 – 64).

Keputusan : Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Bagi Sesi 2019/2020 telah diterima dan diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) dan disokong oleh Sdr. Zulkharnain Abdul Rasid (n.a 5772).

**C) LAPORAN JURUAUDIT LUAR DAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Sdr. Abdul Rahim Llin (n.a 5261) selaku Bendahari KNSTP membentangkan Laporan Juruaudit Luar dan Penyata Kewangan bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019. Rujuk Laporan Tahunan 2019 (muka surat 69 - 111).

Keputusan : Laporan Juruaudit Luar dan Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019 telah diterima dan diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Zaiponizam Hamzah (n.a 5968) dan disokong oleh Sdr. Zul Fakhri Abdul Mutalib (n.a 10235).

**D) PANDANGAN KETUA PENDAFTAR KE ATAS AKAUN KOPERASI BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

Pengerusi membentangkan Pandangan Ketua Pendaftar ke atas Akaun Koperasi Berakhir 31 Disember 2018. Rujuk Laporan Tahunan 2019 (muka surat 65 - 68)

Sdr. Zaiponizam Hamzah (n.a 5968) meminta penjelasan tentang Pelbagai Siber hutang yang mana masing-masing berjumlah RM351,322 dan RM583,140 yang tertulis dalam pandangan tersebut.

Pengerusi memaklumkan bahawa ianya adalah sewaan di bangunan Koperasi di Desa Petaling yang tidak berjaya dikutip dan penghutang dari Ar-Rahnu X'Change. Pihak Koperasi akan membuat peruntukan hutang rugu secara berperingkat.

# LAPORAN TAHUNAN 2020

Keputusan : Pandangan Ketua Pendaftar ke atas Akaun Koperasi 31 Disember 2018 telah diterima dan diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Adzriefaiz Adzlan (n.a 9630) dan disokong oleh Sdr. Mohd Hidzir Md Ismail (n.a 4995).

## AGENDA 4 : MELULUSKAN PEMBAYARAN DIVIDEN SEPERTI YANG DISYORKAN OLEH LEMBAGA DI DALAM LAPORAN LEMBAGA

Pengerusi memaklumkan bahawa Anggota Lembaga mengesyorkan kadar dividen adalah satu perpuluhan lapan peratus (1.8%) atas modal yuran anggota pada 30 Jun 2019.

Keputusan : Setelah meneliti, Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) akur dan mencadangkan pemberian dividen dengan kadar satu perpuluhan lapan peratus (1.8%) atas modal yuran sepertimana yang disyorkan oleh Lembaga di dalam Laporan Lembaga diterima dan diluluskan. Cadangan disokong oleh Sdr. Zaiponizam Hamzah (n.a 5968).

## AGENDA 5 : MENGESEHKAN PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI NSTP

Pengerusi memaklumkan bahawa Anggota Lembaga mengesyorkan Pindaan Undang-undang Kecil untuk Fasal seperti berikut :-

### FASAL

- 9 : Aktiviti
- 26 : Pemilihan perwakilan dan urusan mesyuarat agung kawasan
- 61 : Kumpulan Wang Rizab Statutori

Rujuk Buku Lampiran (muka surat 1 & 2).

Beliau menjelaskan bahawa pindaan Undang-undang Kecil akan dihantar ke SKM untuk penilaian dan kelulusan.

Keputusan : Pindaan Undang-undang Kecil telah diterima dan diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Adzriefaiz Adzlan (n.a.9630) dan disokong oleh Sdr. Hj. Shukor Hj. Othman (n.a 2502).

## AGENDA 6 : MENERIMA DAN MELULUSKAN

### a) PINDAAN ATURAN SKIM PEMBIAYAAN

Pengerusi membentangkan Pindaan Aturan Skim Pembiayaan. Rujuk Buku Lampiran (muka surat 4 – 14).

Sdr. Adzriefaiz Adzlan (n.a 9630) merujuk kepada 1.21.1 Had Pembiayaan tidak melebihi RM40,000 dan di jadual kelayakan adalah had pembiayaan adalah sepuluh kali gaji dan tidak melebihi RM30,000. Beliau mempersoalkan adakah ada kesilapan butiran.

Pengerusi memaklumkan ianya bukan kesilapan dan menjelaskan bahawa RM40,000 adalah had keseluruhan pembiayaan . Manakala, RM30,000 adalah had untuk skim pembiayaan peribadi sahaja.

Keputusan : Pindaan Aturan Skim Pembiayaan yang dibentang telah diterima dan diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Mohd Faizal Abdul Azis (n.a 3371) dan disokong oleh Sdr. Zolkefli Hamzah (n.a 3953).

**b) PINDAAN ATURAN TABUNG KHAIRAT KEMATIAN**

Pengerusi membentangkan Pindaan Aturan Tabung Khairat Kematian. Rujuk Buku Lampiran (muka surat 15).

Sdr. Muhammad Asyadi Omar (n.a 7692) memohon penjelasan, adakah anggota “aktif sambung” yang tidak membuat bayaran modal yuran layak memohon tuntutan khairat kematian.

Setiausaha menjelaskan bahawa sumbangan tahunan yang dimaksudkan adalah RM20.00 pada bulan Disember 2020 dan bukannya modal yuran bulanan.

Sdr. Zul Fakhri Abdul Mutalib (n.a 10235) meminta pengesahan iaitu bagi tahun pertama, anggota akan dikenakan RM40.00.

Pengerusi mengesahkan kenyataan tersebut.

Keputusan : Pindaan Aturan Tabung Khairat Kematian yang dibentang telah diterima dan diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Ahmad Nizam Eusoff (n.a 5660) dan disokong oleh Sdr. Mohamad Yazid Yahya (n.a 9965).

**c) PINDAAN ATURAN TABUNG KEBAJIKAN AM**

Pengerusi membentangkan Pindaan Aturan Tabung Kebajikan Am. Rujuk Buku Lampiran (muka surat 16).

Sdr. Adzriefaiz Adzlan (n.a 9630) meminta cadangan cara bayaran bagi anggota “aktif sambung” untuk membayar modal yuran bulanan. Ini kerana, mereka bukan tidak mahu membayar, namun terlupa untuk membayar setiap bulan.

Pengerusi menyatakan cara terbaik adalah melalui arahan tetap “standing instruction” di bank masing-masing. Arahan ini boleh dibuat di dalam sistem maybank2u. Beliau tidak menggalakkan cara “auto debit” kerana ianya tertakluk kepada wang yang berada akaun bank anggota.

Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) mengesyorkan supaya “menggantung tuntutan” berbanding dengan “menolak tuntutan”.

Pengerusi memaklumkan bahawa koperasi perlu tegas berkenaan perkara ini. Oleh itu, ayat “menggantung” kurang sesuai.

Keputusan : Pindaan Aturan Tabung Kebajikan Am yang dibentangkan telah diterima dan diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Ahmad Juanda Mohamed Yasir (n.a.6687) dan disokong oleh Sdr. Mohamad Yahya (n.a 6786).

AGENDA 7 :

**MENGESAHKAN**

- a) **PINDAAN ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2020**
- b) **ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2021**

Pengerusi membentangkan Pindaan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Tahun 2020 dan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Tahun 2021. Rujuk Laporan Tahunan 2019 muka surat 112 – 113.

# LAPORAN TAHUNAN 2020

Pengerusi memaklumkan bahawa anggaran keuntungan tahun 2020 yang diluluskan pada tahun 2019 amat sukar untuk dicapai berdasarkan ekonomi sekarang terutama pengurangan anggota disebabkan proses rasionalisasi oleh syarikat.

Keputusan : Pindaan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun 2020 dan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Tahun 2021 telah diterima dan disahkan atas cadangan oleh Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) dan disokong oleh Sdr. Muhammad Asyadi Omar (n.a 7692).

## AGENDA 8 : MELANTIK JURUAUDIT LUAR BAGI TAHUN 2020

Pengerusi memaklumkan bahawa Juruaudit Luar bagi tahun kewangan 2019 adalah Kamal Zahari & Co. Senarai nama Juruaudit Luar yang tersenaraikan dalam notis adalah seperti berikut :-

- i) Al-Jeffri Dean Chartered Accountant
- ii) Kamal Zahari & Co
- iii) Afrizan Tarmili Khairul Azhar Chartered Accountants
- iv) Hisham & Co Chartered Accountants (Malaysia) Berhad

Beliau memohon tambahan syarikat A. Razak & Co sebagai salah satu syarikat Juruaudit Luar yang akan dilantik. Ini kerana, koperasi baru menerima tawaran dan profail dari syarikat tersebut.

Keputusan : Anggota Lembaga diberikan hak untuk memutuskan perlantikan Juruaudit Luar Koperasi yang bertauliah bagi tahun 2020 kerana pengurusan lebih arif atas cadangan oleh Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) dan disokong oleh Sdr. Zul Fakhri Abdul Mutualib (n.a 10235).

## AGENDA 9 : MEMBERI KUASA KEPADA LEMBAGA MEMINJAM WANG TIDAK MELEBIHI RM300,000,000 (RINGGIT MALAYSIA : TIGA RATUS JUTA SAHAJA) DENGAN KADAR FAEDAH PASARAN SEMASA

Pengerusi memaklumkan bahawa KNSTP tidak menggunakan keseluruhan RM300,000,000 yang dipohon. Anggota Lembaga akan meminjam wang mengikut kegunaan dan keperluan.

Keputusan : Memberi kuasa kepada Anggota Lembaga meminjam wang tidak melebihi RM300,000,000 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Juta Sahaja) dengan kadar faedah pasaran semasa telah diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Mohd Hidzir Md Ismail (n.a 4995) dan disokong oleh Sdr. Mohamad Yahya (n.a 6786).

## AGENDA 10 : MEMBERI KUASA KEPADA LEMBAGA MELABUR TIDAK MELEBIHI RM300,000,000 (RINGGIT MALAYSIA : TIGA RATUS JUTA SAHAJA) DARI WANG LEBIHAN KOPERASI

Keputusan : Memberi kuasa kepada Anggota Lembaga melabur tidak melebihi RM300,000,000 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Juta Sahaja) dari wang lebihan koperasi telah diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Shahrul Sahat (n.a 8168) dan disokong oleh Sdr. Mohamed Zulkifli Sulaiman (n.a 9839).

**AGENDA 11 :**

**MELANTIK 10 ORANG JAWATANKUASA UNTUK MENENTUSAH DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-52 YANG TERDIRI DARIPADA :-**

**EMPAT (4) ORANG : ANGGOTA LEMBAGA  
ENAM (6) ORANG : PERWAKILAN**

Pengerusi memaklumkan bahawa empat (4) orang Anggota Lembaga sebagai Jawatankuasa untuk Menentusah Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-52 akan ditentukan oleh Anggota Lembaga.

Pencalonan untuk enam (6) orang perwakilan sebagai Jawatankuasa untuk Menentusah Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-52 adalah seperti berikut :-

Cadangan pertama	:	Sdr. Ahmad Nizam Eusof	(n.a 5660)
Dicadang oleh	:	Sdr. Zaiponizam Hamzah	(n.a 5968)
Disokong oleh	:	Sdr. Mohd Faizal Abdul Azis	(n.a 3371)
Cadangan kedua	:	Sdr. Salina Abdul Rahim	(n.a 10390)
Dicadang oleh	:	Pn. Dauza Umat	(n.a 4886)
Disokong oleh	:	Sdr. Shahrul Sahat	(n.a 8168)
Cadangan ketiga	:	Sdr. Khairul Shamsol Osman	(n.a 7402)
Dicadang oleh	:	Sdr. Ahmad Nizam Eusof	(n.a 5660)
Disokong oleh	:	Sdr. Zaiponizam Hamzah	(n.a 3371)
Cadangan keempat	:	Sdr. Mohd Rizan Akmar Taharuddin	(n.a 10117)
Dicadang oleh	:	Sdr. Mohd Firdaus Mohd Ali	(n.a 9370)
Disokong oleh	:	Sdr. Mohd Rizal Shaari	(n.a 8772)
Cadangan kelima	:	Sdr. Hj. Shukor Hj. Othman	(n.a 2502)
Dicadang oleh	:	Sdr. Zaiponizam Hamzah	(n.a 5968)
Disokong oleh	:	Sdr. Mohd Hidzir Md Ismail	(n.a 4995)
Cadangan keenam	:	Sdr. Ahmad Juanda Mohamed Yasir	(n.a 6687)
Dicadang oleh	:	Sdr. Roslan Baharuddin	(n.a 1979)
Disokong oleh	:	Sdr. Mohamad Yahya	(n.a 6786)

Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) mencadangkan supaya cadangan ditutup.

Keputusan : Dengan cadangan di atas, mesyuarat sebulat suara bersetuju untuk menutup pencalonan dan melantik enam (6) orang perwakilan seperti nama di atas sebagai Jawatankuasa Menentusah Minit Ke-52.

**AGENDA 12 :**

**MENIMBANGKAN USUL DAN LAIN-LAIN PERKARA DI MANA NOTIS TELAH DIBERIKAN SECARA BERTULIS SEKURANG-KURANGNYA TUJUH (7) HARI SEBELUM TARikh MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-52**

Setiausaha memaklumkan bahawa koperasi menerima tujuh (7) usul dari perwakilan. Rujuk Buku Lampiran (muka surat 17 – 18).

Mesyuarat menerima ulasan yang diberikan oleh Anggota Lembaga dengan tambahan penjelasan seperti berikut :-

**Usul Pertama : Membuat semakan semula keperluan penjamin dalam urusan pinjaman**

Setiausaha menyatakan isu penjamin adalah isu yang sering diutarakan oleh anggota. Peminjam yang berhenti disebabkan pemberhentian dari syarikat, koperasi kurang menghadapi masalah. Namun, peminjam yang berhenti tanpa memaklumkan kepada koperasi, ianya telah membebankan penjamin. Walaubagaimanapun, koperasi masih perlu mengikut prosidur yang ditetapkan iaitu sekiranya peminjam gagal membayar ansuran bulanan, koperasi berhak untuk membuat potongan gaji penjamin. Beliau selaku Pengerusi Unit Kutipan & Litigasi menyatakan bahawa prosidur adalah mencari peminjam terlebih dahulu. Selain itu, Aturan Skim Pembiayaan juga telah dipinda dengan menolak tiga bulan ansuran bulanan sebagai deposit bayaran balik pinjaman bagi peminjam yang memperolehi I-Score Weak. Ini bertujuan untuk kurangkan risiko pinjaman tidak berbayar.

**Usul Kedua : Turun kadar interest sekarang dari 6% ke 4%. Untuk menjana pendapatan koperasi**

Setiausaha menjelaskan bahawa jika kadar caj perkhidmatan sedia ada diturunkan, maka, ianya semakin mengurangkan pendapatan koperasi.

**Usul Ketiga : Wujudkan pembiayaan yang lebih mesra pada anggota koperasi – menarik lebih banyak ahli untuk turut serta (peraduan, lucky draw dan paket pelancongan)**

Setiausaha memaklumkan setiap pelanggan yang memperbaharui skim perlindungan kenderaan akan menerima baucer Coopmart bernilai RM5. Program Cabutan Bertuah juga pernah diadakan oleh pihak Koperasi.

**Usul Keempat : Membuat semakan semula berkenaan insentif kehadiran mesyuarat agung pemilihan perwakilan**

Sdr. Zul Fakhri Abdul Mutalib (n.a 10235) mendapati ramai anggota yang hadir Mesyuarat Agung Kawasan pada Mac 2020 yang lalu telah balik selepas pengundian selesai. Ini kerana, elaun kehadiran telah diberikan. Beliau mencadangkan supaya ada kaedah bagi menggalakkan anggota untuk terus berada di mesyuarat tersebut. Beliau mencadangkan elaun dibahagi kepada dua iaitu elaun kehadiran dan elaun pendaftaran.

Setiausaha memaklumkan bahawa ramai anggota tidak dapat berada sepanjang masa di mesyuarat kerana bekerja pada hari tersebut terutama kakitangan dari NSTP Shah Alam, Sri Pentas dan Jabatan Keselamatan.

Selain itu, koperasi juga telah menetapkan prosidur iaitu pendaftaran ditutup jam 9.00 pagi. Bagi anggota yang hadir lewat dari masa yang ditetapkan, tidak layak untuk mendaftar. Prosidur ini telah mendapat rungutan dari anggota-anggota tersebut. Oleh itu, sekiranya koperasi menetapkan prosidur tambahan iaitu mesti hadir mesyuarat sepenuhnya, baru layak menerima elaun kehadiran, maka ianya akan menyebabkan rungutan dari ramai anggota.

Beliau memaklumkan bahawa sebelum ini, mesyuarat diadakan pada hari biasa, namun disebabkan pelepasan waktu kerja tidak diluluskan oleh pihak Sumber Manusia, maka, mesyuarat diadakan pada hari Sabtu. Walaubagaimanapun, Anggota Lembaga akan membincangkan perkara ini dari semasa ke semasa.

**Usul Kelima : Naikkan elaun perwakilan dan elaun mesyuarat**

Semua perwakilan setuju dengan ulasan yang diberikan.

**Usul Keenam : Setiap anggota mesti bawa seorang ahli keluarga memandangkan staff sudah berkurangan (cth : 500 + 500 = 1,000)**

Setiausaha menyokong usul yang dikemukakan. Lagipun, modal yuran dan modal syer yang disumbangkan akan menjadi simpanan anggota tersebut.

**Usul Ketujuh : Perwakilan kena aktif mempromosikan koperasi NSTP kepada staff (cth : promosikan produk atau sebagainya melalui app. Koop**

Anggota Lembaga dan perwakilan setuju dengan usul.

## **CADANGAN / HAL-HAL LAIN**

Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) mendapati pengurangan ahli amat ketara disebabkan rasionalisasi dari syarikat. Beliau berharap Anggota Lembaga perlu lebih berusaha untuk menambah keahlian dan keahlian sedia ada perlu dikekalkan. Beliau memohon supaya pengecualian diberikan untuk pembayaran modal yuran bulanan.

Pengerusi memaklumkan bahawa modal yuran bulanan tidak boleh dikecualikan. Ini kerana, KNSTP terikat dalam Akta Koperasi 1993 dimana setiap koperasi kredit perlu ada modal yuran bulanan dari anggota. Kenyataan ini disahkan oleh En Syahrul Aidil Mohammad Tajuddin, Penolong Pengarah SKM Wilayah Persekutuan.

Sdr. Adzriefaiz Adzlan (n.a 9630) merujuk kepada pemberhentian syarikat dan didapati wakil KNSTP tidak hadir sebagaimana yang dilakukan oleh badan korporat lain seperti Perkeso.

Pengerusi memaklumkan bahawa sesi pertemuan telah diadakan pada tarikh tersebut. Namun, kurang mendapat sambutan. Walaubagaimanapun, kaunter khidmat pelanggan telah diadakan di Sri Pentas bagi membolehkan anggota mengajukan soalan berkenaan koperasi.

## **KOMEN DAN SARANAN PEGAWAI SKM**

En. Syahrul Aidil Mohamad Tajuddin, Penolong Pengarah SKM Wilayah Persekutuan mengucapkan syabas kepada pengurusan KNSTP kerana perjalanan mesyuarat agung berjalan dengan lancar. Usul juga telah dibentang dan diberikan penerangan yang jelas kepada perwakilan yang hadir. Beliau menyampaikan amanat dari En Amran Abdul Kadir, Pengarah SKM Wilayah Persekutuan supaya Anggota Lembaga menetapkan Petunjuk Prestasi Utama “Key Performance Indicator” bagi tahun yang akan datang. Beliau juga meminta KNSTP mengambil kesempatan atas peruntukan insentif sebanyak RM12,000 yang diberikan bagi tujuan pemulihan aktiviti pelancongan dan juga modal pusingan RM50,000 untuk perniagaan runcit. KNSTP juga diharap dapat meneroka perniagaan baru yang boleh memberikan pulangan yang lebih baik.

## **PENUTUP**

Sebelum mengakhiri mesyuarat, Pengerusi sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada :-

- EN. MUSTAPHA KAMIL MOHD JANOR, Ketua Pegawai Eksekutif Interim NSTP (M) Berhad
- EN. AMRAN ABDUL KADIR, Pengarah SKM Wilayah Persekutuan
- EN. SYAHRUL AIDIL MOHAMAD TAJUDDIN, Penolong Pengarah SKM Wilayah Persekutuan,
- KAMAL ZAHARI & CO, Juruaudit Luar Koperasi di atas jasa baik dan nasihat yang diberikan.

# LAPORAN TAHUNAN 2020

PENGURUSAN KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BHD,  
KUMPULAN MEDIA PRIMA BHD,  
SUNLIFE MALAYSIA ASSURANCE BHD,  
ALLIANZ GENERAL INSURANCE COMPANY BHD,  
MALAY MAIL SDN BHD dan  
MEDIA TRAVEL & HOLIDAYS SDN BHD  
yang telah memberi sokongan, bantuan dan kerjasama yang berterusan.

semua ANGGOTA,  
ANGGOTA LEMBAGA,  
AHLI JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN,  
PERWAKILAN dan  
KAKITANGAN KOPERASI  
serta orang perseorangan yang terlibat dalam menjayakan mesyuarat ini.

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-52 ditangguhkan jam 12.00 tengah malam.

## DISEDIAKAN OLEH

  
**RODZIAH JAMA'AH**  
Pencatat Minit  
Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-52






**RIDZWAN AHMAD**  
Pencatat Minit  
Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-52

## DISEMAK OLEH :

  
**ZULFAKAR WAHIB**  
Setiausaha  
Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-52

**LAPORAN  
TAHUNAN  
2020**

Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-52, yang diadakan pada hari Sabtu, 15 Ogos 2020 mulai jam 8.30 malam di Bilik Sri Menanti, Thistle Hotel Port Dickson Resort, KM16, Jalan Pantai Teluk Kemang, 70150 Port Dickson, Negeri Sembilan; telah disemak dan ditentusahkan betul oleh Jawatankuasa Menentusah Minit di mesyuarat yang diadakan pada Khamis, 10 September 2020 jam 12.30 tengahari bertempat di Bilik Mesyuarat Koperasi NSTP (M) Berhad, Tingkat 1, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

BIL	NAMA	JAWATAN	NO ANGGOTA	TANDATANGAN
1.	Mohd Fadzil Abdul Ghani	Pengerusi	6456	
2.	Abdul Rahim Llin	Bendahari	5261	
3.	Baharuddin Ishak	Pen. Setiausaha	6514	
4.	Mohamad Anis Abdullah	Pen. Bendahari	6619	
5.	Ahmad Nizam Eusoff	Perwakilan	5660	
6.	Salina Abdul Rahim	Perwakilan	10390	
7.	Khairul Shamsol Osman	Perwakilan	7402	
8.	Mohd Rizan Akmar Taharuddin	Perwakilan	10117	
9.	Hj. Shukor Hj. Othman	Perwakilan	2502	
10.	Ahmad Juanda Mohamed Yasir	Perwakilan	6687	

# KEHADIRAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-52

SENARAI KEHADIRAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KE-51

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD

TEMPAT : BILIK SRI MENANTI, HOTEL THISTLE, PORT DICKSON





TARIKH : 15 OGOS 2020 MASA : 8:30 MALAM

BIL	NAMA	NO. ANGGOTA	TANDATANGAN
ANGGOTA LEMBAGA			
1	Mohd Fadzil Abdul Ghani	6456	
2	Zulfakar Wahib	3220	
3	Abdul Rahim Bin Llin	5261	
4	Mohammad Anis Abdullah	6619	
5	Baharuddin Bin Ishak	6514	
6	Ahmad Shukran bin Mohamed Salleh	5222	
7	Khairuzzaman Hj Mohamad	4915	
8	Salehudin Shah Shabudin	4488	
9	Mohamad Wafi Mohamad Arof	8485	
10	Kamarulzaman Bin Pid	5935	
11	Dauza Umat	4886	
12	Khairi Abdul Khalid	8212	
JAWATANKUASA AUDIT DALAM			
13	Mohd Hidzir Bin Md Ismail	4995	
14	Mohd Hafiz Nin Mohamad Ghazali	8424	
15	Mohd Faizal Abdul Azis	3371	
16	Mohamad Bin Yahya	6786	
17	Rameshdev Singh a/l Gordeyap Singh	8176	
PERWAKILAN			
18	Abd Rahim Desa	6639	
19	Ahmad Juanda Bin Mohamed Yasir	6687	
20	Ahmad Nizam Bin Eusoff	5660	
21	Adzriefaiz Bin Adzlan	9630	

LAPORAN  
TAHUNAN  
2020

BIL	NAMA	NO. ANGGOTA	TANDATANGAN
22	Fazleesham Bin Mohd Yunus	4270	
23	Hj Shukor Hj. Othman	2502	
24	Kamarulzaman Bin Mohd Salleh	8771	TIDAK HADIR
25	Khairul Shamsol Bin Osman	7402	
26	Mohamad Yazid Bin Yahya	9965	
27	Mohamed Zulkifli Bin Sulaiman	9839	
28	Mohd Firdaus Bin Mohd Ali	9370	
29	Mohd Jufri Bin Mahamud	9760	
30	Mohd Rizan Akmar Bin Taharuddin	10117	
31	Mohd Rizal Bin Shaari	8772	
32	Mohd Afzairezza Bin Mohd Ariff	9567	
33	Muhammad Asyadi N Omar	7692	
34	Muhammad Zaim Bin Remali @ Ramli	9670	
35	Rajaendran a/l Ramasamy	3573	
36	Roslan Baharuddin	1979	
37	Salina Binti Abdul Rahim	10390	
38	Shahrul Bin Sahat	8168	
39	Thanarajan a/l S. Dorairaj	4018	15/8/2020
40	Zaiponizam Bin Hamzah	5968	
41	Zolkefli Hamzah	3953	
42	Zul Fakhri Bin Abdul Mutalib	10235	
43	Zulkharnain B Abdul Rasid	5772	
TURUT HADIR			
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA WILAYAH PERSEKUTUAN			
44	Amran Bin Abdul Kadir, Pengarah		
45	Syahrul Aidil Bin Mohamad Tajuddin, Penolong Pengarah		

**LAPORAN  
TAHUNAN  
2020**

BIL	NAMA	NO. ANGGOTA	TANDATANGAN
<b>KAKITANGAN</b>			
46	Rodziah Binti Jama'ah	6768	
47	Ridzwan Bin Ahmad	6826	
48	Amir Mat Kupli @ Kupli	6827	
49	Nazirah Bte Abd Manap	10181	
50	Noorhazifah Binti Mohd Aminoor	10179	
51	Norkhairina Binti Leela Nasaruddin	10042	
52	Nurazian Binti A'arip	10260	

# LAPORAN LEMBAGA TAHUN 2020

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada semua anggota. Bagi pihak Anggota Lembaga, saya dengan sukatanya, membentangkan Laporan Tahunan dan Kewangan Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (KNSTP) bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

## UCAPAN PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada En. Mustapha Kamil Mohd Janor, Ketua Pegawai Eksekutif NSTP (M) Berhad selaku Yang Dipertua KNSTP atas sokongan yang telah beliau berikan kepada koperasi. Penghargaan yang serupa juga ingin saya rakamkan kepada En. Jaafar bin Ahmad, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan serta En Aliff Redzuan, Penolong Pengarah Nasional D, Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan dan pihak pengurusan Kumpulan Media Prima Berhad, Sunlife Malaysia Assurance Berhad, Allianz General Insurance Company Malaysia Berhad, Malay Mail Sdn Bhd dan Media Travel & Holidays Sdn Bhd yang telah banyak memberi dorongan kepada KNSTP sehingga dapat bergerak dengan teratur dan sempurna serta mendapat keyakinan semua pihak.

## PENGURUSAN KNSTP

Pengurusan KNSTP terdiri daripada dua belas (12) anggota lembaga dan dua puluh satu (21) kakitangan. KNSTP menjalankan aktiviti iaitu pembiayaan kepada anggota, skim perlindungan diri dan keluarga, kedai runcit, pajak gadai Islam (Ar-Rahnu X'Change) dan sewaan kedai pejabat.

Bagi tujuan melancarkan operasi, memastikan prestasi koperasi meningkat dari masa ke semasa disamping mematuhi Akta Koperasi 1993 dan Peraturan, pengurusan Koperasi NSTP terbahagi kepada enam (6) Jawatankuasa Kecil seperti berikut :-

- a) Jawatankuasa Kewangan, Pentadbiran, Pengurusan Hartanah & Modal Insan
- b) Jawatankuasa Pembiayaan, Khidmat Pelanggan & Coop Mart
- c) Jawatankuasa Kutipan, Litigasi & Pengurusan Risiko
- d) Jawatankuasa Komersial & Bisnes
- e) Jawatankuasa Ar-Rahnu
- f) Jawatankuasa Keanggotaan, Kebajikan & Komunikasi

Laporan Jawatankuasa Kecil adalah seperti di muka surat berikutnya.

Kakitangan KNSTP turut terbahagi kepada empat (4) unit utama iaitu :-

- a) Unit Kewangan
- b) Unit Pentadbiran (Keanggotaan, Pentadbiran, Pengurusan Hartanah, Modal Insan, Komunikasi)
- c) Unit Operasi (Pembiayaan, Khidmat Pelanggan, Coopmart & Saville Kajang) & Kawalan Kredit
- d) Unit Ar-Rahnu

## PRESTASI KEWANGAN TAHUN 2020 & PEMBAHAGIAN BERKANUN

Sila rujuk Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2020.

# LAPORAN TAHUNAN 2020

## KEHADIRAN MESYUARAT ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

(Januari 2020 sehingga Disember 2020)

Nama	Jumlah Mesyuarat	Hadir	Tidak Hadir	Peratus Kehadiran
Mohd Fadzil Abdul Ghani	15	15	-	100%
Zulfakar Wahib	15	15	-	100%
Abdul Rahim Llin	15	15	-	100%
Baharuddin Ishak	15	13	2	87%
Mohamad Anis Abdullah	15	13	2	87%
Ahmad Shukran Mohamed Salleh	15	15	-	100%
Khairuzzaman Mohammad	15	15	-	100%
Salehudin Shah Shabudin	15	15	-	100%
Mohamad Wafi Mohamad Arof	15	14	1	93%
Kamarulzaman Pid	15	13	2	87%
Khairi Abd Khalid	15	15	-	100%
Fazleesham Mohd Yunus	6	6	-	100%
Dauza Umat	9	9	-	100%

## KEHADIRAN MESYUARAT AHLI JAWATANKUASA KECIL KOPERASI

(Januari 2020 sehingga Disember 2020)

Setiap anggota lembaga akan menganggotai dua Jawatankuasa Kecil. Bagi tujuan membincangkan aktiviti, isu semasa dan perkara-perkara berkaitan dengan fungsi jawatankuasa masing-masing, Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Kecil akan diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan. Mesyuarat diadakan secara bersemuka dan atas talian. Kehadiran ahli jawatankuasa kecil adalah seperti berikut:-

Nama	Jumlah Mesyuarat	Hadir	Tidak Hadir	Peratus Kehadiran
Mohd Fadzil Abdul Ghani	24	24	-	100%
Zulfakar Wahib	24	24	-	100%
Abdul Rahim Llin	24	24	-	100%
Baharuddin Ishak	24	24	-	100%
Mohamad Anis Abdullah	24	23	1	96%
Ahmad Shukran Mohamed Salleh	24	24	-	100%
Khairuzzaman Mohammad	24	17	7	71%
Salehudin Shah Shabudin	24	24	-	100%
Mohamad Wafi Mohamad Arof	24	23	1	96%
Kamarulzaman Pid	24	22	2	92%
Khairi Abd Khalid	24	24	-	100%
Fazleesham Mohd Yunus	12	12	-	100%
Dauza Umat	13	13	-	100%
Kamarulzaman Salleh	12	12	-	100%

Atas kehadiran dan tanggungjawab setiap Anggota Lembaga, Ahli Jawatankuasa Kecil dan Jawatankuasa Audit Dalaman yang dilantik, koperasi telah memberikan elaun sepertimana yang diperuntukkan di bawah Skim Perkhidmatan Anggota Lembaga & Jawatankuasa Audit Dalam Bab 7 : Elaun. Sila rujuk Nota-nota Kepada Penyata Kewangan Pada 31 Disember 2020.

### **PENUTUP**

Walaupun, pandemik Covid 19 melanda, kita sangat bersyukur di atas kejayaan yang dicapai. Bagi pihak Anggota Lembaga, saya ingin memberi keyakinan bahawa segala usaha akan dipertingkatkan lagi bagi memastikan keupayaan KNSTP dalam menghadapi cabaran-cabaran yang mendarat. Anggota Lembaga akan memastikan segala dasar, strategi dan usaha yang dirancang adalah bertepatan dengan kehendak Akta Koperasi dan juga seimbang dengan kehendak anggota.

Saya yakin dengan sokongan dari semua anggota, Anggota Lembaga dan pihak pengurusan serta kakitangan, KNSTP akan dapat mencapai matlamat ini.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada anggota Koperasi, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan, Jawatankuasa Audit Dalaman, Juruaudit Luar, Wakil-wakil Koperasi, pihak pengurusan dan kakitangan koperasi yang telah memberi kerjasama, bimbingan dan sokongan kepada KNSTP sepanjang tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

**“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”**

Bagi pihak,  
KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD



**MOHD FADZIL ABDUL GHANI**  
Pengerusi

# LAPORAN JAWATANKUASA KECIL KEWANGAN, PENTADBIRAN & MODAL INSAN BAGI TAHUN 2020

## Ahli Jawatankuasa

Pengerusi	:	Abdul Rahim Llin
Ahli	:	Kamarulzaman Pid
	:	Khairuzzaman Mohamed
	:	Mohamad Anis Abdullah
	:	Khairi Abdul Khalid
	:	Salehudin Shah Shabudin
	:	Azlina Ibrahim
	:	Noorhazifah Mohd Aminoor

## OBJEKTIF

1. Memastikan modal pusingan mencukupi bagi tujuan aktiviti perniagaan koperasi.
2. Memelihara kedudukan KNSTP supaya sentiasa meningkat dari masa ke semasa.
3. Memberi sokongan pendidikan kepada anggota dan kakitangan bagi melahirkan individu yang berpengetahuan serta berkebolehan dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.
4. Memaksimumkan sumber koperasi samada sumber manusia maupun kemudahan yang ada.
5. Mengurangkan perbelanjaan dan meningkatkan pendapatan untuk memastikan dividen yang diberikan kepada anggota adalah peratusan yang terbaik.

## LAPORAN BAGI TAHUN 2020

### 1) KEWANGAN

Rujuk Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020.



## **2) PENTADBIRAN**

### **BELIAN ASET**

Dalam usaha melancarkan proses kerja dan meningkatkan perkhidmatan, KNSTP telah membeli aset tetap seperti berikut :-

<b>BIL</b>	<b>TARIKH BELI</b>	<b>BUTIRAN ASET</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
Peralatan, Perabot dan Kelengkapan			
1.	30/06/2020	Laptop Asus - 4 Unit	5,996.00
2.	10/09/2020	Telefon Bimbit Myfon - Unit Litigasi	199.00
3.	15/09/2020	Laptop HP14S - CF2029TU - Coopmart	1,389.00
4.	15/09/2020	Telefon Bimbit Oppo A37 - Coopmart	300.00
5.	19/08/2020	Mesin Penimbang Pos Laju - Saville Kajang	299.00
6.	07/01/2020	Standard Table and Chair - Tingkat 1	463.00
7.	13/08/2020	Terminal Giliran Pelanggan - ARX Dataran Mentari	5,300.00
8.	12/11/2020	Peti Pameran Barang Kemas - ARX BSP	2,300.00
<b>JUMLAH</b>			<b>16,246.00</b>

## **3) MODAL INSAN**

### **KAKITANGAN**

Perubahan peralihan tugas kakitangan telah bermula Februari 2020.

- Kebajikan dan komunikasi  
a) Azlina Ibrahim  
b) Nazirah Abdul Manap

- Keanggotaan dan Pentadbiran  
a) Ismadi Bin Ismail

- Ar-Rahnu Dataran Mentari  
a) Mohd Nazri Johari  
b) Nur Shahirah Abdul Hamid

- Kutipan & Litigasi  
a) Zuliza Jumai

Kekosongan Jawatan Eksekutif Akaun telah ditawarkan kepada kakitangan sedia ada.Tugas bermula bulan Jun 2020

- a) Noorhazifah Mohd Aminoor

- Pengesahan jawatan kakitangan kontrak  
a) Anis Nadhirah Mohd Isa  
b) Nur Shahirah Abdul Hamid  
c) Fatin Nabilah Kamarul Baharin  
d) Abdul Syahid Abd Mutalib

# LAPORAN TAHUNAN 2020

## Kakitangan Berhenti

- a) Hanisah Munirah Abd Rahimi
- b) Sofea Mohd Sharif
- c) Normaheran Baharuddin

## **SKIM PERKHIDMATAN KAKITANGAN**

Pada tahun 2020, tiada pindaan dilakukan tetapi keperluan dan kebajikan kakitangan tetap terpelihara.

## **BANTUAN PRIHATIN NASIONAL**

Koperasi telah memohon Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat yang telah diumumkan oleh kerajaan. Bayaran telah diterima untuk bulan Mei 2020 – Oktober 2020.

## **SEMINAR DAN PELAJARAN**

Bagi tujuan memantapkan lagi ilmu dalam mengembangkan perniagaan di Koperasi, setiap tahun, pengurusan koperasi akan menghantar anggota lembaga, jawatankuasa audit dalam dan kakitangan menjalani kursus yang berkaitan bagi melahirkan individu yang berpengetahuan serta berkebolehan dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

Kursus dan seminar yang diikuti oleh Anggota Lembaga dan kakitangan KNSTP sepanjang tahun 2020 adalah seperti di Lampiran A. Disebabkan pandemik Covid-19, platform yang diikuti adalah secara online.

## **PENUTUP**

ALHAMDULILLAH, walaupun dalam tempoh krisis pandemic Covid 19 serta pengurangan anggota KNSTP yang terlibat dengan Pelan Rasionalisasi Syarikat, KNSTP masih lagi berdaya maju dengan meneruskan berbelanja secara berhemah, serta kerjasama yang padu dari semua pihak iaitu pengurusan, kakitangan, Anggota Lembaga, perwakilan dan semua anggota. Insyaallah, KNSTP akan terus berdaya saing di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”**

Bagi pihak,  
KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD



**ABDUL RAHIM LIN**  
Pengerusi  
Jawatankuasa Kecil Kewangan, Pentadbiran & Modal Insan

# LAPORAN JAWATANKUASA KECIL PEMBIAYAAN, KHIDMAT PELANGGAN & COOP MART BAGI TAHUN 2020

## Ahli Jawatankuasa

Pengerusi	:	Mohammad Anis Abdullah
Ahli	:	Mohd Fadzil Abdul Ghani
	:	Mohammad Wafi Mohammad Aroff
	:	Ahmad Shukran Moahmed Salleh
	:	Ridzwan Ahmad
	:	Nor Amiza Azizi

## OBJEKTIF

1. Memberi perkhidmatan yang terbaik untuk membantu anggota mengurangkan beban ekonomi yang semakin meningkat.
2. Menawarkan perkhidmatan yang terbaik kepada anggota dengan mewujudkan pelbagai jenis pembiayaan dan penjualan produk-produk dari luar maupun anggota koperasi.
3. Memberi perkhidmatan, perlindungan & pembiayaan secara setempat (“one stop centre”).

Oleh itu, jkk akan sentiasa :

- a) Memastikan skim pembiayaan mengikut aturan yang telah ditetapkan.
- b) Merancang jenis pembiayaan dan perniagaan baru untuk anggota.
- c) Memastikan perkhidmatan kepada anggota diutamakan.
- d) Memastikan penjualan barang di Coop Mart memenuhi kehendak anggota.



# LAPORAN TAHUNAN 2020

## LAPORAN BAGI TAHUN 2020

### 1) PEMBIAYAAN

Laporan pembiayaan diberi dan dibayar balik adalah seperti dalam Penyata Kewangan 31 Disember 2020.

- a) Permohonan pembiayaan menurun disebabkan pemohonan skim pembiayaan jangka panjang dibekukan dan bilangan anggota yang telah berkurangan.
- b) Disebabkan pemberhentian kakitangan di syarikat, pembiayaan jangka panjang telah dibekukan. Tujuan adalah kawalan risiko “Non Performing Loan” di masa akan datang.
- c) Unit pembiayaan telah menumpukan promosi skim pembiayaan jangka pendek seperti pembiayaan kecemasan, tunai segera dan Insurans dan cukai jalan.
- d) Skim Pembiayaan 70% Caruman masih dibuka bagi memenuhi keperluan anggota semasa PKP.
- e) Skim Pembiayaan Barang Pengguna dibuka terutama bagi anggota dan keluarga yang memerlukan komputer dan telefon bimbit bagi tujuan bekerja dan pembelajaran di rumah. Barang elektrik seperti peti ais, mesin basuh, penghawa dingin juga dipromosikan.

### 2) KHIDMAT PELANGGAN

- a) Apabila PKP dilaksanakan bermula April 2020 disebabkan pandemik Covid 19, KNSTP telah mengambil inisiatif dengan menggalakkan anggota memohon pembiayaan secara talian melalui E-Knstp tanpa perlu berurus di kaunter.
- b) Perkhidmatan yang disediakan disampaikan menerusi whatsapp dan media sosial KNSTP.
- c) KNSTP juga mengambil inisiatif mempromosikan perkhidmatan pembaharuan insurans dan cukai jalan secara talian dimana Myeg akan terus menghantar pelekat cukai jalan ke rumah anggota.

### 3) COOPMART

- a) Prestasi jualan adalah seperti dalam Penyata kewangan 31 Disember 2020.
- b) Bermula September 2020, Coopmart telah memberi tumpuan kepada promosi barang asas runcit seperti beras, susu dan tepung bagi membantu anggota yang terkesan dengan krisis pandemik Covid 19.
- c) KNSTP menawarkan pakej barang asas secara ansuran kepada anggota.
- d) Program Infaq Barang Asas telah disediakan bagi memberi peluang anggota membantu individu yang memerlukan. Program mendapat sambutan baik di kalangan anggota dan juga persatuan kebajikan tempatan.
- e) Walaupun berada dalam keadaan Pandemik Covid 19, Coopmart telah berjaya menjalankan projek tempahan dan edaran daging kepada anggota sempena Hari Raya Aidilfitri. Tempahan dari anggota dan bukan anggota adalah secara tunai atau potongan gaji.

### 4) KIOSK GLENMARIE

- a) Café Glenmarie beroperasi dengan menyediakan perkhidmatan makanan kepada kakitangan di NTV7 dengan menawarkan pelbagai menu seperti Nasi Arab.
- b) Cawangan Coopmart juga telah beroperasi dengan lancar dan baik.

## **PENUTUP**

JKK akan sentiasa berbincang bagi tujuan menambahbaik kualiti khidmat pelanggan terutama urusan di kaunter dan komunikasi dengan anggota. Walaupun, semasa Pandemik Covid 19, promosi berterusan telah dilaksanakan agar anggota sentiasa mengikuti produk atau perkhidmatan yang disediakan. Dengan cara ini, koperasi dapat menjana lebih keuntungan serta memberi lebih manfaat kepada anggota.

Sekian, terima kasih.

**“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”**

Bagi pihak,  
KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD



**MOHAMMAD ANIS ABDULLAH**  
Pengerusi  
Jawatankuasa Kecil Pembiayaan, Khidmat Pelanggan & Coop Mart

# LAPORAN JAWATANKUASA KECIL KUTIPAN, LITIGASI DAN PENGURUSAN RISIKO BAGI TAHUN 2020

## Ahli Jawatankuasa

Pengerusi	:	Zulfakar Wahib
Ahli	:	Baharuddin Ishak
	:	Ahmad Shukran Mohamed Salleh
	:	Fazleesham Mohd Yunus
	:	Ridzwan Ahmad
	:	Zuliza Jumai

## PENGENALAN

JKK Kutipan, Litigasi dan Pengurusan Risiko ditubuhkan bertujuan untuk memperolehi semula kutipan atas tunggakan baki pembiayaan dari siberhutang (peminjam yang berhenti syarikat dan meninggalkan baki pembiayaan).

## OBJEKTIF

1. Melaksanakan pengurusan kutipan bayaran balik baki pembiayaan dan berusaha meningkatkan kutipan setiap bulan serta mengurangkan baki tunggakan pembiayaan.
2. Mengeluarkan notis secara konsisten dan berperingkat.



## **LAPORAN BAGI TAHUN 2020**

### **1) KUTIPAN**

#### **PRESTASI**

Perbandingan Kutipan bagi tahun 2019 & 2020 :-

BULAN	2019	2020
JANUARI	10,753.32	20,838.68
FEBRUARI	24,410.87	7,104.20
MAC	19,417.09	6,790.24
APRIL	43,679.22	4,016.00
MEI	20,250.61	5,341.00
JUN	15,109.24	22,678.76
JULAI	28,525.51	23,853.52
OGOS	13,235.63	28,365.44
SEPTEMBER	11,530.11	26,408.47
OKTOBER	19,614.36	13,482.02
NOVEMBER	28,996.32	20,690.28
DISEMBER	25,626.08	18,077.92
JUMLAH	261,148.36	208,820.57

#### **STRATEGI UNTUK MENGURANGKAN BAKI PEMBIAYAAN SIBERHUTANG**

- a) Menawarkan diskaun atas penyelesaian baki pembiayaan kepada siberhutang yang dikenalpasti.
- b) Penerangan kepada siberhutang tentang kelebihan penyelesaian awal dimana ianya lebih menjimatkan berbanding membuat bayaran secara bulanan.
- c) Tumpuan kepada potongan penjamin dikalangan penjamin-penjamin yang masih bekerja di syarikat.
- d) Senaraihitam siberhutang menerusi CTOS dimana fungsinya lebih berkesan bagi memastikan bayaran dibuat oleh penghutang setiap bulan.
- e) Melantik agen penghutang yang baru iaitu Unit Kutipan ANGKASA
- f) Melaksanakan tindakan undang-undang termasuk kebankrapan.

### **2) LITIGASI**

Tindakan termasuk perundangan yang telah dilaksanakan pada tahun 2020 adalah seperti berikut:-

JENIS TINDAKAN	KATEGORI	BILANGAN ANGGOTA
Selesai Bayaran		6
Agen Pengutip Hutang)		66
Penjamin	Individu	11
Senarai Hitam (CTOS)	Individu	65
Bangkrap	Individu	1

# LAPORAN TAHUNAN 2020

Faktor peningkatan baki pembiayaan :-

- a) Berhenti dari syarikat termasuk anggota yang menerima tawaran pemberhentian disebabkan Penstruktur Semula syarikat.
- b) Prosidur potongan gaji penjamin sukar dilaksanakan kerana potongan sedia ada tinggi.
- c) Penjamin juga telah berhenti dan caruman hanya mencukupi untuk membayar baki pembiayaan sendiri.
- d) Pandemik Covid 19 menyebabkan siberutang tidak dapat membuat bayaran secara ansuran.
- e) Proses bankrap kurang berkesan kerana peminjam masih gagal membuat pembayaran walaupun telah disahkan bankrap.
- f) Agen Pengutip hutang juga turut menghadapi kesukaran mengutip hutang.

## 3) PENGURUSAN RISIKO

### FUNGSI

Pengurusan Risiko merupakan satu fungsi bebas yang bertanggungjawab bagi mengenalpasti, menilai, memantau dan melaporkan risiko yang timbul daripada operasi koperasi termasuk dari aktiviti utama.

Sepanjang tahun 2020, JKK telah menyediakan Jadual Pengurusan Risiko dan melaksanakan strategi yang bersesuaian bagi perkara seperti berikut :-

#### 3.1 JADUAL PENGURUSAN RISIKO OLEH KETUA UNIT

Pada tahun 2020, Ketua unit akan menyediakan Jadual Pengurusan Risiko setiap bulan untuk dibincangkan di mesyuarat JKK masing-masing. Laporan dan strategi yang disediakan akan diserahkan kepada ketua unit Pengurusan Risiko bagi tujuan penilaian. Perbincangan lebih lanjut akan dibentangkan di mesyuarat EXCO dan seterusnya mesyuarat ALK untuk penilaian semula serta tindakan penyelesaian yang sesuai.

#### 3.2 KAWALAN PENGURUSAN RISIKO DISEBABKAN PEMBERHENTIAN KAKITANGAN OLEH SYARIKAT

Langkah-langkah yang dilaksanakan adalah seperti berikut :-

- a) Permohonan Skim Pembiayaan Jangka Panjang dibekukan kecuali Skim Pembiayaan 70% caruman.
- b) Pembiayaan Jangka Pendek diluluskan dan masih tertakluk kepada caruman di koperasi.
- c) Sekiranya baki pembiayaan melebihi caruman, permohonan Skim Pembiayaan Jangka Pendek hanya akan diluluskan dengan syarat pemohon perlu menandatangani surat persetujuan tolak baki pembiayaan dengan wang pampasan yang akan diterima.

**PENUTUP**

JKK Kutipan,Litigasi dan Pengurusan Risiko akan terus berusaha untuk meningkatkan jumlah kutipan dan mengurangkan risiko dalam semua urusan.

Sekian, terima kasih.

**“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”**

Bagi pihak,  
KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD



**ZULFAKAR WAHIB**  
Pengerusi  
Jawatankuasa Kecil Kutipan,Litigasi dan Pengurusan Risiko

# LAPORAN JAWATANKUASA KECIL KOMERSIAL DAN BISNES BAGI TAHUN 2020

## Ahli Jawatankuasa

Pengerusi	:	Baharuddin Ishak
Ahli	:	Kamarulzaman Bin Pid
	:	Mohammad Anis Abdullah
	:	Fazleesham Mohd Yunus
	:	Nazirah Abd Manap

## OBJEKTIF

1. Kenal pasti projek dan perniagaan baru yang berpotensi (berkualiti & jangka panjang).
2. Pengurusan harta tanah secara efektif.

## LAPORAN BAGI TAHUN 2020

Prestasi pendapatan JKK adalah berdasarkan Laporan Kewangan 31 Disember 2020.

### **1) PENGIKLANAN**

Tajaan iklan dari pembekal dan rakan niaga di dalam Buku Laporan Tahunan.

### **2) PENGURUSAN HARTANAH**

#### **2.1 KONDOMINIUM SERVIS RESIDENSI NADI BANGSAR DI BANGSAR**

Alamat : Lot 28-15, Nadi Bangsar Residensi, Jalan Tanduk 59100 Kuala Lumpur.  
Lot ini telah disewakan.



#### **2.2 KEDAI PEJABAT 2 TINGKAT SAVILLE KAJANG DI KAJANG**

a) Alamat : Lot G-10, Saville Kajang, Jalan Reko, 43000 Kajang, Selangor.  
Lot telah digunakan sebagai pusat penghantaran Pos Laju.

b) Alamat : Lot 01-10, Saville Kajang, Jalan Reko, 43000 Kajang, Selangor.  
Lot ini disewakan.

#### **2.3 KONDOMINIUM SRI TIJANNI DI SUNGAI BULOH**

Alamat : Lot 12-09, Kondominium Sri Tijani, Bukit Rahman Putra, 47000 Sungai Buloh, Selangor.  
Lot ini disewakan.

#### **2.4 KEDAI PEJABAT 3 TINGKAT DI BANDAR SERI PUTRA**

Alamat : No 26, Jalan Seri Putra ½ Bandar Seri Putra, 43000 Bangi Selangor.  
Kedai pejabat di tingkat bawah telah beroperasi perniagaan Ar-Rahnu X'Change KNSTP.  
Tingkat 1 & 2 disewakan.

## 2.5 KEDAI PEJABAT ARENA MENTARI DI SUNWAY

Alamat : A-G-1, Blok A, Arena Mentari, Jalan PJS 8/15, Dataran Mentari, 46810 Petaling Jaya, Selangor.

Lot ini telah beroperasi untuk perniagaan Ar-Rahnu X'Change KNSTP.

## 3) KERJASAMA PERNIAGAAN

Koperasi NSTP telah bekerjasama dengan Koputra untuk menawarkan pakej fisioterapi kepada anggota dan kakitangan Media Prima Berhad. Pusat fisioterapi bertempat di Tamarind, Square, Cyberjaya.

### **STRATEGI KEMPEN**

Strategi untuk mempromosikan aktiviti perniagaan adalah melalui hubungan baik antara koperasi di Malaysia, sebaran poster melalui email, talian whatsapp dan pemasaran di media sosial seperti Facebook, dan Instagram selain dari kaunter penerangan dan seminar.

### **PENUTUP**

Secara keseluruhan, pada tahun 2020, Koperasi sentiasa mencari peluang perniagaan baru bagi menjana pendapatan koperasi dan berusaha untuk meningkatkan jumlah kutipan sewaan bangunan milik koperasi.

Sekian, terima kasih.

“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”

Bagi pihak,  
KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD

  
Baharuddin Ishak  
Pengerusi  
Jawatankuasa Kecil Komersial dan Bisnes

# LAPORAN JAWATANKUASA KECIL AR-RAHNU BAGI TAHUN 2020

## Ahli Jawatankuasa

Pengerusi	Mohd Fadzil Abdul Ghani
Ahli	Abdul Rahim Llin
	Salehuddin Shah Shabudin
	Mohamad Wafi Mohamad Arof
	Rodziah Jama'ah
	Amir Mat Kupli @ Kupli



## OBJEKTIF

- Berkebjikan menawarkan peluang pembiayaan Mikro Kredit kepada masyarakat setempat.
- Menjana pendapatan yang barakah serta memberi pembiayaan berlandaskan syariah.

## LAPORAN BAGI TAHUN 2020

### **1) PRESTASI AR-RAHNU X'CHANGE - DATARAN MENTARI (ARX DM)**

Prestasi ARX DM adalah seperti berikut:-

BUTIRAN	2019 (RM)	2020 (RM)
Nilai Marhun	9,407,445	16,587,294
Gadaian di keluarkan	6,687,105	12,935,975
Jangkaan upah simpan (6 bulan)	469,579	837,202
Bayaran upah simpan yang diterima	1,034,499	1,115,663
Bayaran ansuran/tebus/lanjut tempoh yang diterima	7,320,071	12,391,291

### **2) PRESTASI AR-RAHNU X'CHANGE – BANDAR SERI PUTRA (ARX BSP)**

Prestasi ARX BSP adalah seperti berikut:-

BUTIRAN	2019 (RM)	2020 (RM)
Nilai Marhun	5,094,546	6,216,003
Gadaian di keluarkan	3,581,430	4,727,690
Jangkaan upah simpan (6 bulan)	249,581	308,870
Bayaran upah simpan yang diterima	84,917	298,931
Bayaran ansuran/tebus/lanjut tempoh yang diterima	2,021,480	3,624,926

### 3) PERBANDINGAN (ARX Dataran Mentari) & (ARX Bandar Seri Putra)

#### PRESTASI ANTARA TAHUN 2019 & 2020 :-

- Nilai marhun dan gadaian tahun 2020 meningkat sebanyak 48 peratus untuk ARX Dataran Mentari manakala ARX Bandar Seri Putra meningkat sebanyak 24 peratus.
- Ia disebabkan peningkatan harga emas dunia dari pertengahan 2019 sehingga penghujung tahun 2020.
- Pelanggan telah menggunakan kelebihan kenaikan harga emas dengan membuat pinjaman bertindih (“Overlapping”) dengan kadar margin 80% daripada pinjaman terdahulu.
- Pandemik Covid19 tidak menghalang Ar-Rahnu untuk terus meningkatkan prestasi dari segi gadaian.
- JKK telah menetapkan alternatif baru bagi meningkatkan jumlah gadaian. Program galakan seperti membawa pelanggan baru dari luar terutama daripada Kedai Pajak Gadai Konvensional telah memberi impak positif kepada kenaikan nilai Gadaian.
- Promosi dengan memberi produk galakan berupa kad touch & go berlabelkan Ar-Rahnu telah dilaksanakan dengan menggunakan bajet dari dana pemasaran Rakyat Management Services.
- Pembukaan Ar-Rahnu Bandar Seri Putra memberi tambahan pendapatan kepada KNSTP. Pembukaan berkenaan tepat memandangkan peningkatan harga emas menjelang tahun 2020 yang memberangsangkan mengikut ramalan dari broker-broker yang menyatakan graf pasaran emas akan meningkat pada tahun tersebut.
- Secara keseluruhan, prestasi Ar-Rahnu 2020 meningkat 48 peratus dari tahun 2019 untuk ARX Dataran Mentari & meningkat 24 peratus untuk ARX Bandar Seri Putra. Ianya melibatkan banyak faktor terutama dari segi peningkatan harga emas dunia berbanding pada tahun 2019 dan perubahan margin 70% kepada 80% pinjaman untuk produk Ar-Rahnu.

### SASARAN DAN PERLAKSANAAN AR-RAHNU BAGI TAHUN 2021

Bagi tujuan meningkatkan perniagaan dan mutu perkhidmatan, JKK akan :-

- Memastikan modal pusingan mencukupi dalam anggaran RM1 juta sebulan untuk kedua-dua cawangan Ar-Rahnu X'Change KNSTP iaitu Dataran Mentari dan Bandar Seri Putra.
- Melaksanakan Program We Care, pemberian kurma sempena Ramadhan dan pemberian Hamper kepada pelanggan yang membuat gadaian RM15,000 keatas.

### PENUTUP

JKK akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan perniagaan supaya terus maju sehingga memperolehi penganugerahan sebagai francais terbaik.

Sekian, terima kasih.

**“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”**

Bagi pihak,  
KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD



**MOHD FADZIL BIN ABDUL GHANI**

Pengerusi

Jawatankuasa Kecil Ar-Rahnu

# LAPORAN JAWATANKUASA KECIL KEANGGOTAAN, KEBAJIKAN & KOMUNIKASI BAGI TAHUN 2020

## Ahli Jawatankuasa

Pengerusi	Zulfakar Wahib
Ahli	Kamarulzaman Pid
	Khairuzzaman Mohammad
	Khairi Abdul Khalid
	Kamarulzaman Salleh
	Azlina Ibrahim
	Nazirah Abdul Manap

## OBJEKTIF


1. Sebagai penghubung antara koperasi dengan anggota dan rakan niaga.
2. Mengkaji dan merancang strategi untuk mengurangkan pemberhentian anggota.
3. Menghebahkan dan mempromosi maklumat tentang koperasi kepada semua anggota.
4. Memberi pendidikan kepada anggota melalui medium bacaan.
5. Memastikan kebajikan anggota terpelihara.

## LAPORAN BAGI TAHUN 2020

### 1) KEANGGOTAAN

JKK sentiasa mempertingkatkan keanggotaan melalui strategi seperti berikut:-

- a) Kempen keahlian – pencadang akan menerima baucar Coop Mart bernilai RM10.00
- b) Menawarkan dan mempromosikan keahlian kepada kakitangan kontrak
- c) Menawarkan keahlian kepada ahli keluarga anggota.
- d) Menawarkan keahlian kepada kakitangan rakan niaga koperasi.



## 2) KEBAJIKAN

### SKIM PERLINDUNGAN DIRI DAN KELUARGA

#### A) SKIM MCIS IKHTIARI –MCIS ZURICH INSURANCE BERHAD

Pihak koperasi telah membuat permohonan pemberhentian bagi pihak anggota seperti berikut :-

Bil	Nama	No Anggota
1.	Ramlee Kasrin	4265
2.	Zailan Termiji	4909
3.	Abida Khatoon Mohamad Wakil	6636
4.	Abd Rahim Mohd Desa	6639
5.	Meor Shamsuddin Meor Zainal Abidin	3408
6.	Mortaba Md Ali	3772
7.	Alim Amin	5434
8.	Mohd Azhar Che Umar	5119

Pembayaran telah dilakukan oleh syarikat MCIS secara autokredit ke akaun anggota.

#### B) SKIM FLEXI EB - TAKAFUL IKHLAS BERHAD

Bil	Nama	No Anggota	Manfaat
1.	Visalingam A/L K. Rajoo	2470	Kemasukan wad
2.	Ng Sook Yen	3670	Kemasukan wad
3.	Asrul Rizal Bin Alias	7290	Kemasukan wad
4.	Amir Rullah Andi Nur	4364	Kemasukan wad
5.	Chandran A/L Nathan	5143	Kemasukan wad
6.	Mohd Rizal Che Halim	4055	Kematian

Pembayaran telah dimasukkan ke akaun anggota, kecuali manfaat kematian dimana pembayaran dimasukkan ke akaun isteri ( Kamariah Binti Kamorudin).

#### C) SKIM TAKAFUL BESTARI – ETIQA TAKAFUL BERHAD

Bil	Nama	No Anggota	Tuntutan
1.	Siti Haidah Tapah	3841	Matang
2.	Nurazriena Bt Maarof	5477	Matang

Pembayaran telah dilakukan Etiqa secara autokredit ke akaun anggota.

# LAPORAN TAHUNAN 2020

## TABUNG ANGGOTA KNSTP

Selain itu, KNSTP telah menubuhkan tabung-tabung bertujuan untuk memberi kebajikan kepada anggota dan keluarga seperti berikut :-

### A) TABUNG KEBAJIKAN AM

Bagi tahun 2020, KNSTP telah menggunakan wang di Tabung Kebajikan Am untuk tujuan sumbangan, Anugerah Kecemerlangan Pendidikan, Zakat Perniagaan Koperasi dan cenderahati untuk semua anggota Koperasi serta lain-lain pembayaran yang bertujuan untuk kebajikan anggota. (Sila rujuk Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan Pada 31 Disember 2020.)

Pada tahun 2020, manfaat Tabung Kebajikan Am telah diperluaskan dengan memberi manfaat Tahun Satu, Bencana Alam dan Penyakit Kronik.

### B) TABUNG KHAIRAT KEMATIAN

Pada tahun 2020, KNSTP telah memberi wang khairat sebanyak RM4,000 kepada waris anggota berikut yang telah meninggal dunia :-

Bil	Nama Anggota	No Anggota	Syarikat	Sumbangan (RM)
1.	Mohd Rodzee Hamzah	5432	STMB	1,000.00
2.	Shariff Ibrahim	2241	Anggota Sambung	1,000.00
3.	Mohd Faizal Abdul Azis	3371	Anggota Sambung	1,000.00
4.	Mohd Hasrul Ariff Saidin	9970	STMB	1,000.00
<b>JUMLAH</b>				<b>4,000.00</b>

KNSTP juga telah memberikan sumbangan wang khairat kepada 51 anggota atas kematian pasangan anak, ibu-bapa dan ibu-bapa mertua masing-masing. Diharap sumbangan ini dapat mengurangkan bebanan anggota tersebut. Butiran sumbangan adalah seperti berikut :-

Bil	Kematian	Bilangan Anggota	Kadar Sumbangan Seorang (RM)	Jumlah Sumbangan (RM)
1.	Pasangan	1	500.00	500.00
2.	Anak	2	500.00	1,000.00
3.	Ibu / Bapa	36	300.00	10,800.00
4.	Ibu Mertua / Bapa Mertua	12	300.00	3,600.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>51</b>	<b>JUMLAH</b>	<b>15,900.00</b>

### C) TABUNG PERLINDUNGAN PEMBIAYAAN

Pada tahun 2020, Koperasi telah melindungi baki pembiayaan anggota dan bekas anggota koperasi yang meninggal dunia seperti berikut :-

Bil	Simati	No Anggota	Jumlah Pembiayaan Dilindungi (RM)
1.	Mohd Rodzee Bin Hamzah	5432	5,722.00
2.	Mohd Muizz Bin Aziz	8672	11,798.05
<b>JUMLAH</b>			<b><u>17,520.05</u></b>

Dengan perlindungan ini, waris dan penjamin tidak dibebankan untuk membayar baki pembiayaan tersebut.

### 3) KOMUNIKASI

Pada tahun 2020, komunikasi antara koperasi dengan anggota telah dipertingkatkan dengan menggunakan medium seperti berikut :-

- Sesi Penerangan – pertemuan dengan anggota semasa agihan cenderahati.
- Email Blast – hebahan poster dan maklumat terkini.
- Notis – notis dipamerkan di papan kenyataan dan email blast.
- Poster / Risalah – dipamerkan di papan kenyataan, email blast dan melalui media sosial.
- Facebook / Instagram – pelbagai aktiviti koperasi di kemaskini.
- Laman Web – pelbagai maklumat, aktiviti, borang-borang koperasi boleh diperolehi.

### **SASARAN DAN PERLAKSANAAN BAGI TAHUN 2021**

- JKK akan sentiasa memperkemaskan sistem komunikasi dan maklumat terutama melalui laman web, facebook, instagram, media elektronik, risalah dan emel.
- JKK akan menaikkan aliran trafik laman web koperasi dengan menggalakkan anggota untuk melayari E-knstp.
- JKK sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan jumlah anggota melalui promosi yang bersesuaian.
- JKK memberi tawaran keanggotaan kepada rakan niaga dan keluarga
- Penambahbaikan manfaat Tabung Kebajikan Am.

# LAPORAN TAHUNAN 2020

## PENUTUP

JKK berharap setiap perlaksanaan medium komunikasi yang dilakukan akan mendapat penerimaan yang positif dari anggota. JKK juga berharap komunikasi dua hala diwujudkan dan perwakilan turut menjadi perantara dalam usaha mempertingkatkan komunikasi dan seterusnya meningkatkan keanggotaan koperasi tanpa melupakan kebajikan anggota.

Sekian, terima kasih.

**“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”**

Bagi pihak,  
Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad



**ZULFAKAR WAHIB**  
Pengerusi  
Jawatankuasa Kecil Keanggotaan, Kebajikan & Komunikasi

**LAMPIRAN A :**

**KURSUS / SEMINAR YANG DIHADIRI OLEH ANGGOTA LEMBAGA, KAKITANGAN, JAWATANKUASA  
AUDIT DALAM DAN ANGGOTA KOPERASI**

<b>BIL</b>	<b>KURSUS / SEMINAR</b>	<b>TARIKH</b>	<b>PESERTA</b>
1	Program Kearah Memperkasakan Perniagaan Koperasi Anjuran : Angkasa Tempat : Kuala Lumpur International Hotel	13/02/2020	Mohamad Fakhri Abdul Koles
2	Program Pengiraan Cukai Koperasi Anjuran : Lembaga Hasil Dalam Negeri Tempat : Kuala Lumpur International Hotel	26/02/2020 sehingga 28/02/2020	Azlina Ibrahim
3	Latihan Francais Ar-Rahnu X'change Anjuran : Rakyat Management Services Sdn Bhd Tempat : Menara 2 , Menara kembar Bank Rakyat	09/03/2020 sehingga 11/03/2020	Zuliza binti Jumai
4	Seminar Pembangunan Koperasi Wilayah Persekutuan Anjuran : Angkasa Tempat : Aplikasi Zoom	23/06/2020	Mohd Fadzil Abdul Ghani
5	Program Pemerksaan & Pemantapan Produk -Produk Kewangan serta Penyelesaian Kredit Bersepadu 2020 (Zon Tengah) Anjuran : Angkasa Tempat : Hotel Tenera, Bandar Baru Bangi	01/10/2020 dan 02/10/2020	Mohd Fadzil Abdul Ghani Abdul Rahim LLin
6	Program Lean Six Sigma Green & Marketing – Siri 1 Anjuran : Leanit Consultant Sdn Bhd Tempat : King Kolej	12/10/2020 dan 13/10/2020	Ridzwan Ahmad Nazirah Abd Manap

**LAPORAN  
TAHUNAN  
2020**

BIL	KURSUS / SEMINAR	TARIKH	PESERTA
7	Pelaporan & Maklumat Dari Laman Web Spekar Anjuran : Experian Information Servis (M) Bhd Tempat : Aplikasi Zoom	11/11/2020	Ismadi Ismail Azlina Ibrahim Ridzwan Ahmad
8	Program Lean Six Sigma Green & Marketing – Siri 2 Anjuran : Leanit Consultant Sdn Bhd Tempat : Aplikasi Zoom	18/11/2020 dan 20/11/2020	Ridzwan Ahmad Nazirah Abd Manap
9	Program Pemerkasan & Penarafan “Vendor” Koperasi Anjuran : Angkasa Tempat : Aplikasi Zoom	25/11/2020 sehingga 30/11/2020	Ridzwan Ahmad Salina Abdul Rahim
10	Bengkel Pembangunan Silibus Program Latihan IKM 2021 Anjuran : Institut Koperasi Malaysia Tempat : Aplikasi Zoom	25/11/2020	Azlina Ibrahim
11	Latihan konsep Pembiayaan Pajak Gadai-i (Tawarruq) Ar-Rahnu X'Change Anjuran : Rakyat Management Services Sdn Bhd Tempat : Aplikasi Zoom	08/12/2020	Rodziah Jamaah Amir Mat Kupli Nur Ashieqin Abd Malid Anis Nadhirah Mohd Isa Nur Shahirah Abdul Hamid
12	Latihan konsep Pembiayaan Pajak Gadai-i (Tawarruq) Ar-Rahnu X'Change Anjuran : Rakyat Management Services Sdn Bhd Tempat : Aplikasi Zoom	09/12/2020	Muhamad Zulhairi Zaharuddin Fatin Nabilah Kamarul baharin Ainin Sofea Abdul Basid Azlina Ibrahim Noorhazifah Mohd Aminoor



## **Jawatan Kuasa Audit Dalaman 2020 / 2021**

No Ruj Kami : 7/JKAD 2019/2020-MAT53

21hb Jun 2021

### **Anggota Lembaga Koperasi**

Koperasi The New Straits Times Press (M) Berhad  
31 Jalan Riong  
59100 Kuala Lumpur

Tuan / Puan,

### **LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN SESI 2020/2021**

Laporan Audit ini disediakan untuk mematuhi kehendak Seksyen 49, Akta Koperasi 1993 dan Undang-Undang Kecil 52 untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan kali ke 53.

1. Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad sesi 2020/2021 dianggotai oleh :-

Mohd Hidzir Md Ismail	-	Pengerusi
Rameshdev Singh Gordeyap Singh	-	Ahli Jawatankuasa
Mohd Hafiz Mohamad Ghazali	-	Ahli Jawatankuasa
Mohamad Yahya	-	Ahli Jawatankuasa
Mohd Faizal Abdul Aziz (sehingga 29 September 2021)	-	Ahli Jawatankuasa
Ahmad Nizam Eusof (mulai 1 Oktober 2021)	-	Ahli Jawatankuasa

2. Laporan yang dibuat adalah berdasarkan pengauditan untuk tempoh berakhir 31hb Disember 2020 merangkumi Penyata Aliran Tunai, Skim-Skim Pinjaman dan Nota Akaun. Pengauditan juga merangkumi aspek pentadbiran keseluruhan koperasi termasuk Coopmart dan Ar Rahnu.

# LAPORAN TAHUNAN 2020

3. Jadual pengauditan adalah seperti berikut :-

- 7hb September 2020  
Mesyuarat Audit pertama sesi 2020/2021
- 22hb September 2020  
Skim Pembiayaan Barang Pengguna / Skim Pembiayaan Peribadi / Skim Pembiayaan Kenderaan / Skim Pembiayaan Pendidikan / Skim Pelancongan / Skim Pengeluaran Modal Yuran / Skim Pengeluaran Simpanan Khas / Pengaliran Wang Tunai Masuk dan Keluar
- 21hb Oktober 2020  
Pengaliran Wang Tunai Masuk dan Keluar / Skim Pembiayaan Insurans Motor & Tayar / Skim Pembiayaan Cukai Jalan / Skim Pembiayaan Perayaan / Skim Pembiayaan Kecemasan / Skim Pembiayaan Rawatan Mata / Skim Pembiayaan Tunai Segera / Skim Pembiayaan Kembali Ke Sekolah / Skim Flexi EB Takaful Ikhlas / Skim Takaful Bestari / Skim PA AIG Insurance / Skim Takaful Mutiara / Skim Insurans Keluargaku Sayang / Skim MCIS Ikhtiar / Skim Kemalangan Diri
- 9hb Disember 2020  
Ar Rahnu X'Change Sunway Mentari
- 12hb Disember 2020  
Kiraan Stok Coopmart, Jalan Riong
- 6hb April 2021  
Ar Rahnu X'Change Bandar Seri Putra
- 7hb April 2021  
Kiraan Stok Coopmart, Glenmarie

4. Tertakluk kepada perkara-perkara di atas, kami berpendapat bahawa prestasi pengurusan dan hal ehwal koperasi menunjukkan penurunan keuntungan yang amat ketara disebabkan Pandemik Covid-19 serta PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) melanda negara telah menyebabkan kuasa berbelanja yang rendah untuk menjana pendapatan yang menjadi sumber pendapatan utama koperasi. Pemeriksaan terhadap penyata dan rekod-rekod perakaunan serta rekod-rekod lain tersusun dengan baik dan disimpan dengan teratur mengikut piawaian perakaunan. Urusan pentadbiran seperti pengendalian fail-fail dan urusniaga perbelanjaan, penerimaan, perolehan adalah sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1993 dan Undang-Undang Kecil Koperasi (52).
5. Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua kakitangan Koperasi dan Ahli Lembaga Koperasi atas kepercayaan dan kerjasama yang amat baik sepanjang tempoh kami menjalankan tanggungjawab audit dalaman ini.

LAPORAN  
TAHUNAN  
**2020**

Sekian. Salam Hormat.

Yang Menjalankan Tugas

**Mohd Hidzir Bin Md Ismail**  
(Pengerusi JKAD)

**Ahmad Nizam Bin Eusof**  
(Ahli JKAD)

**Rameshdev Singh a/l Gordeyap Singh**  
(Ahli JKAD)

**Mohamad Bin Yahya**  
(Ahli JKAD)

**Mohd Hafiz Bin Mohamad Ghazali**  
(Ahli JKAD)



# LAPORAN JURU AUDIT BEBAS



kamalzahari & co.

**Head Office**

**Kamal Zahari & Co. (AF 1505)**

chartered accountants

19-4-2, Diamond Square,

Jalan Semarak Api 2, Off Jalan

Gombak, 53000 Setapak, Kuala Lumpur.

Tel: 03-4032 0536 Fax: 03-4032 1266

Email: info@kamalnco.com.my

MALAYSIAN INSTITUTE OF ACCOUNTANTS

## **KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD**

(Didafarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

### **PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2020**

### **LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**

#### **Pendapat**

